



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II Bil. 10 Hari Selasa 12hb Julai, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Ruangan 38)

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) (Ruangan 42)

Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) (Ruangan 77)

Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) (Ruangan 101)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 100)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 12hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

LEMBAGA LETRIK NEGARA - PENSWASTAAN

1. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian penswastaan Lembaga Letrik Negara;
- (b) pada masa ini, berapakah tawaran yang telah diterima oleh Kerajaan; dan
- (c) nyatakan syarikat-syarikat berkenaan dan bilakah perkhidmatan Lembaga Letrik Negara ini akan diswastakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Tuan Yang di-pertua,

- (a) Pihak Bank Bumiputra Merchant Bankers yang telah dilantik untuk menjalankan kajian sama ada Lembaga Letrik Negara patut diswastakan telahpun mengemukakan laporannya. Laporan berkenaan masih dalam pertimbangan Kerajaan.
- (b) Kerajaan tidak menerima sebarang tawaran daripada mana-mana pihak sekarang.
- (c) Justeru dari apa yang saya telah jelaskan, soalan (c) ini tidak berbangkit.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat **Puan Rokiah binti Zainuddin.**

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

PENYELUDUPAN DADAH DI PENJARA

2. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah usaha untuk membersihkan nama Jabatan Penjara yang tercemar oleh kegiatan penyelewengan serta najis dadah yang melibatkan pegawai-pegawai penjara; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai yang mengamalkan sikap "Harapkan pagar, pagar makan padi" ini.

13.7.88

18. Tuan Haji Abdul Hajid bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil siasatan yang melibatkan kakitangan atau pegawai penjara menyeludup dadah ke dalam penjara.

- (a) jumlah pegawai yang terlibat mengikut pangkat; dan
- (b) jenis dadah yang mudah diseludup.

19. Tuan Abdul Manap bin Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah pihak berkuasa Jabatan Penjara mengambil tindakan terhadap kakitangan penjara yang terlibat dengan najis dadah. Apakah jenis tindakan yang diambil. Bagaimana pula langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini supaya tidak berulang.

14.7.88

4. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang banduan terlibat dalam kegiatan dadah di penjara. Apakah tindakan telah diambil untuk mengelakkan kejadian tersebut dari terus berlaku.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob**]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah yang dijadualkan pada 13hb Julai, 1988; Yang Berhormat Tuan Abdul Manap bin Hashim yang dijadualkan pada 13hb Julai, 1988 dan Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho yang dijadualkan pada 14hb Julai, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Masalah Penyeludupan Dadah di penjara. Jawatankuasa itu telah menyiapkan laporannya dan telah dikemukakan ke Kementerian Dalam Negeri. Hasil dari laporan itu Kementerian telah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penyeludupan dadah dalam penjara dan golongan yang bertanggungjawab menyeludup dadah ke penjara. Di samping itu, Jawatankuasa yang berkenaan juga telah mengemukakan beberapa syor yang tertentu untuk membanteras penyeludupan di dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 60% daripada 20,000 banduan yang ada di dalam penjara sekarang ini adalah terdiri dari penagih dan pengedar dadah. Banduan-banduan seumpama ini memerlukan dadah dan ini bermakna bahawa telah sentiasa wujud permintaan terhadap dadah di dalam penjara. Memandangkan mereka ini dikawal dan dadah sukar didapati, maka berlakulah pasaran gelap dadah di dalam penjara. Harga dadah di dalam penjara adalah dua atau tiga kali ganda dari di luar penjara.

Jawatankuasa itu telah mengenalpasti bahawa penjara-pejara yang terlibat dengan penyeludupan dadah ini ialah Penjara Pudu Kuala Lumpur, Penjara Johor Bahru, Penjara Pulau Pinang, Penjara Pusat Kajang, Selangor, Penjara Kuantan dan Penjara Alor Setar.

Penyeludupan dadah di dalam penjara ini dilakukan oleh banduan-banduan terutamanya oleh banduan remand, keluarga serta kawan-kawan banduan dan pegawai-pegawai serta kakitangan penjara. Selain daripada dadah, wang dan barang-barang makanan juga diseludup masuk untuk ditukarkan dengan dadah.

Tuan Yang di-pertua, seramai 1,213 banduan telah ditangkap kerana menagih dan memiliki dadah sewaktu di dalam penjara dari tahun 1984 hingga penghujung tahun 1987. Tindakan tatatertib telah diambil terhadap mereka sehingga dihukum sebat dengan rotan. Dari bilangan itu, 91 orang ditangkap kerana memiliki dadah dan telah dilaporkan kepada pihak Polis untuk tindakan selanjutnya.

Di samping banduan-banduan yang terlibat dengan dadah, pegawai-pegawai Jabatan Penjara juga tidaklah bebas dari penyalahgunaan dadah. Seramai 94 orang kakitangan penjara telah ditangkap atas berbagai-bagai kesalahan dadah dari tahun 1980 hingga 1987.

Sesuai dengan syor Jawatankuasa yang mengkaji penyeludupan dadah dalam penjara itu, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk membanteras penyeludupan dadah di dalam penjara. Jawatankuasa itu telah terus diberi tugas untuk memastikan tindakan-tindakan susulan ke atas perakuan-perakuan yang telah dibuat supaya dilaksanakan dengan serta-merta. Memandangkan Jawatankuasa itu masih lagi meneruskan tugas—tugas mereka, Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengumumkan laporan itu kepada orang ramai kerana tindakan demikian akan menjejaskan langkah-langkah yang telah diambil oleh mereka.

Walau bagaimanapun, atas syor Jawatankuasa itu 4 orang kakitangan penjara telahpun dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak. Penggunaan undang-undang pencegahan seumpama ini, inilah kali pertama dibuat ke atas pegawai-pegawai penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana pihak mahupun banduan, kakitangan ataupun orang-orang tertentu yang cuba mengedar dadah dalam penjara. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang bertanggungjawab melakukan jenayah tersebut.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas sikap terus-terang mewakili Kerajaan dalam perkara yang pernah menjadi teka-teki di kalangan rakyat dan orang ramai.

Soalan ini ialah apakah di antara angka yang disebutkan tadi ada terlibat wanita?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui tidak ada.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, selain daripada hukuman yang dikenakan terhadap pengawal-pengawal penjara, saya ingin tahu apakah strategi kawalan keselamatan yang memastikan bahawa setiap langkah keselamatan dipatuhi oleh pegawai-pegawai penjara selepas Jabatan Penjara Malaysia mempelajari bahawa beberapa kesilapan dan kecuaiian pengawal-pengawal penjara berlaku sehingga beberapa orang tahanan yang terlibat dengan dadah dapat melepaskan diri mereka daripada kawalan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Penjara telah menggunakan berbagai-bagai cara termasuklah cara-cara yang kita pelajari dari Barat. Anjing kita gunakan dalam penjara, kadangkala pegawai-pegawai penjara yang hendak masuk bertugas terpaksa kita telanjangkan untuk memastikan bahawa tidak ada dadah kepada mereka, tetapi penyeludupan dijalankan begitu licin sekali.

Kadangkala, kalau saya hendak cerita dalam Dewan yang mulia ini memalukan, ada yang ditelan dikeluarkan semula dalam penjara. Kadang-kadang cincin ditelan oleh banduan sampai di dalam penjara dikeluarkan untuk ditukarkan dengan dadah dan sebagainya. Plaster digunakan di tempat luka, walhal tidak ada luka, tetapi di dalamnya diletakkan dadah. Jadi keadaan-keadaan yang seperti ini adalah sungguh sukar untuk kita mengesan, walau kita gunakan anjing sekalipun kerana semasa bertugas pagi-pagi diselidiki dengan teliti, tidak ada; tetapi kadangkala mereka bertugas di luar setelah membuat laporan sebelah pagi, pegawai-pegawai terpaksa membawa banduan ke hospital atau membawa banduan ke mahkamah, masa balik itu dalam kesibukan yang kita tidak sangka, masa itulah penyeludupan dilakukan. Jadi takkanlah tiap-tiap kali pegawai yang keluar masuk itu, tiap-tiap kali kita kena bogelkan mereka. Inilah keadaan-keadaannya. Bagaimanapun, pihak penjara sedang dan akan menjalankan segala tindakan yang sewajarnya.

Saya yang sebenarnya ada menyenaraikan 18 cara dalam jawapan ini untuk kita mengambil tindakan terhadap bukan sahaja banduan-banduan, keluarga banduan, juga pegawai-pegawai untuk menentukan bahawa dadah tidak diseludupkan dalam penjara. Kalau sekiranya Yang Berhormat ingin, saya akan beri jawapan ini secara bertulis kerana terlalu panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membuat soalan tambahan sedikit. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut masalah satu Jawatankuasa telah ditubuhkan. Ingin saya tahu Jawatankuasa ini datangnya daripada profesyen apakah? Satu.

Yang kedua, adakah ahli-ahli Jawatankuasa ini juga diberi peluang melawat dalam penjara bila-bila masa apabila mereka merasakan kurang senang terhadap pegawai-pegawai penjara menjalankan tugas?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua. Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang pegawai kanan Kementerian Dalam Negeri, seorang pegawai kanan Polis dan seorang pegawai kanan penjara. Mereka ini bebas untuk menjalankan-tugas mereka bila-bila masa sahaja dikehendaki atau diperlukan oleh mereka di penjara dan tiada siapa yang boleh menegah mereka.

JAWATANKUASA TETAP MENGENAI PERUMAHAN KOS RENDAH

3. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah kejayaan Jawatankuasa Tetap mengenai pembiayaan perumahan kos rendah yang diwujudkan oleh Bank Negara bagi mengatasi atau mengurangkan masalah kesulitan memperolehi pinjaman untuk pembangunan perumahan atau "end financing".

Timbalan Menteri Kewangan (**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin**): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas Jawatankuasa Tetap Pembiayaan Perumahan untuk program khas perumahan kos rendah ialah untuk menyelesaikan masalah-masalah pembiayaan yang dikemukakan oleh pihak pemaaju dan pembeli yang terlibat dalam program khas perumahan kos rendah. Jawatankuasa ini tidak terlibat secara langsung dalam menimbangkan permohonan untuk pembiayaan ataupun "financing", dengan izin. Namun demikian prestasi Jawatankuasa ini

dapat dilihat daripada masalah-masalah yang dapat diselesaikan dan hasil penyelesaian yang tersebut menjadi contoh bagi pihak-pihak yang terlibat untuk memudahkan proses pembiayaan oleh institusi-institusi kewangan.

Melalui Jawatankuasa ini banyak prosedur-prosedur telahpun ditetapkan bagi menseragamkan beberapa proses yang berkaitan dengan pembiayaan. Di samping itu juga,, Jawatankuasa ini dapat membantu dan menyalurkan mana-mana permohonan yang telah ditolak oleh sesebuah institusi kewangan kerana jumlah pinjaman institusi. itu untuk perumahan melebihi hadnya supaya dipertimbangkan oleh institusi-institusi kewangan lain yang masih mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan pinjaman yang dipohon,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan rumah kos rendah yang mendapat pembiayaan telah meningkat daripada 8,147 unit pada pertengahan tahun 1986 kepada 48,135 unit pada pertengahan tahun 1987 iaitu enam bulan selepas Jawatankuasa berkenaan ditubuhkan,

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui bahawa ada rumah pangsa yang didirikan oleh PKNS dan mungkin Perbadanan-perbadanan lain tidak ada hak milik iaitu title. Ini menyulitkan usaha mengendalikan pinjaman bank. Apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Mohamed Farid bin. Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, masalah pengeluaran hak milik berasingan untuk rumah-rumah pangsa yang dibuat oleh PKEN ataupun State Economic Development Corporation adalah tanggungjawab Pejabat Tanah. Yang perlu mereka pohon ialah bagi atrata title ataupun title yang bertingkat-tingkat dan pihak institusi-institusi kewangan sekarang ini telahpun mempunyai sedikit

masalah dalam pengeluaran pinjaman-pinjaman kepada rumah-rumah pangsa yang memerlukan strata title tersebut. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada sebarang masalah yang timbul berkemungkinan kalau sekiranya pihak Yang Berhormat boleh membawa kes ini kepada Kementerian Kewangan jika ia ada kaitan dengan pinjaman Kerajaan.

BEKAS PERAJURIT - BANCI

4. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk mengadakan banci bagi menentukan jumlah bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka serta kedudukan mereka yang sebenarnya dari segi ekonomi dan sosial.

Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tidak bercadang mengadakan banci seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bagi menentukan jumlah bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka serta kedudukan mereka yang sebenarnya dari segi ekonomi dan sosial. Sekiranya hendak diadakan, ia seharusnya diadakan secara menyeluruh meliputi seluruh negara dan tidak tertumpu kepada bekas-bekas perajurit sahaja.

Walaupun bagaimanapun, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian pada masa ini mempunyai cukup data dan maklumat bagi tujuan perancangan bakal dan bekas perajurit.

Sehubungan dengan ini juga perkara bancian sepatutnya dijalankan oleh pihak Persatuan Bekas Perajurit ke atas ahli-ahlinya sendiri supaya dengan ini pihak Persatuan dapat membantu ahli-ahli mereka.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah bekas-bekas perajurit yang diberi peluang menyertai rancangan-rancangan tanah seperti FELDA dan berapakah pula yang diambil semula berkhidmat dengan jabatan-jabatan Kerajaan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka yang tepat buat masa sekarang oleh sebab angka ini tidak begitu tepat dan kalau boleh saya mintalah satu surat dihantar kepada saya untuk saya menjawab seterusnya.

Benar, kita ada satu rancangan di Pahang yang mana kita mulakan rancangan ini khusus untuk bekas-bekas perajurit menanamkan pokok-pokok getah dan juga kelapa sawit dan saya rasa ini satu rancangan yang telahpun membuktikan di atas kejayaan rancangan ini.

Dan juga dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, calon-calon telahpun diberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit. Saya sukalah mengatakan seperti tahun 1987, daripada 622 calon yang kita telahpun kemukakan dengan kerjasama daripada Persatuan Bekas-bekas Perajurit, 448 ditemuduga dan yang berjaya 138. Dan daripada 138 yang ditemuduga ini yang berjaya 112. Itu cara ringkas untuk memberi sedikit panduan kepada Majlis yang mulia ini.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kementerian Pertahanan bercadang untuk melanjutkan lagi umur bekas perajurit untuk dapat masuk rancangan FELDA kerana setakat ini

kalau tidak silap saya umur 45 tahun sahaja dibolehkan, sedangkan setengah bekas perajurit ini terdapat lebih daripada itu, yang berhajat untuk menjadi peneroka FELDA.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memanglah ada di dalam rancangan kita, dan saya rasa Menteri yang berkenaan pun ada di sini, saya rasa beliau akan mengambil perhatian berat. Dan bagi, pihak saya, Kementerian Pertahanan sentiaaa seberapa daya yang boleh untuk mengambil bekas-bekas perajurit, dan saya rasa Menteri berkenaan pun dengarlah pertanyaan Yang Berhormat tadi.

PEMULIHAN PENAGIH DADAH

5. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan peranan serta program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta badan-badan dakwah dalam usaha mengambalikan semula bekas-bekas penagih dadah dari kalangan yang beragama Islam kepada ketahanan Islam menuju ke arah pembinaan insan yang sempurna, beriman dan bertakwa dan mengabadikan diri kepada Allah semata-mata.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dalam program pemulihan penagih-penagih dadah adalah dalam beberapa bentuk, di antaranya ialah:

- (i) Meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyalurkan usaha mengatasi masalah penyalahgunaan dadah menerusi khutbah.

- (ii) Menyatakan kepada masyarakat umum tentang hukuman berat yang dikenakan juga oleh negara-negara Islam lain dalam dunia terhadap penyalahgunaan dadah.
- (iii) Menyediakan slogan-slogan anti penyalahgunaan dadah untuk diletakkan di tempat-tempat yang strategik.

Selain daripada itu, termasuklah juga rancangan:-

- (i) Mengadakan guru agama sepenuh masa di Pusat-pusat Pemulihan Serenti.
- (ii) Mengadakan kursus-kursus khas kefahaman dan kesedaran Islam di pusat-pusat pemulihan itu.
- (iii) Mengadakan ceramah-ceramah agama di pusat rawatan lanjutan di Sungai Besi.

Penglibatan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan badan-badan dakwah ialah dari segi mengadakan tenaga penceramah agama bagi kursus dan program ceramah agama yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan.

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

6. Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang inisiatif yang terbaru yang diambil oleh Wisma Putra terhadap "Sabah Claim" oleh Filipina. Kalau belum ada inisiatif baru, tidakkah Menteri Luar Negeri bersetuju bahawa seharusnya Kementerian ini mengambil langkah-langkah positif bukan setakat menunggu perkembangan dari Kerajaan Filipina sahaja.

15.7.88

72. Tuan G. Rajoo minta Menteri Luar Negeri menyatakan usaha-usaha diplomatik yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan tuntutan negara Filipina terhadap Sabah. Nyatakan juga pendirian Malaysia berkaitan dengan pampasan yang dituntut oleh waris-waris Sultan Sulu atas perkara **ini**. Apakah respon Kerajaan baru Filipina dalam penyelesaian tuntutan Sabah ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che

Wan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pada 15hb. Julai, 1988.

Penyelesaian isu tuntutan Filipina ke atas Sabah melibatkan beberapa proses dalam negeri Filipina, terutamanya proses perundingan. Pentadbiran Presiden Aquino telah berusaha ke arah ini tetapi usaha-usahanya telah menemui jalan buntu, yang berpunca dari Bill Senate Filipina yang telah mengenakan beberapa syarat sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digugurkan oleh mereka.

Pendirian Malaysia adalah jelas iaitu tuntutan Filipina ke atas Sabah merupakan masalah yang harus diselesaikan oleh Kerajaan Filipina sendiri.

Malaysia juga telah menyatakan ketetapan kita, isu tuntutan hak milik ke atas Sabah oleh waris-waris Sultan Sulu mestilah diselesaikan berasingan dan semestinya tidak dikaitkan dengan isu tuntutan kedaulatan ke atas Sabah. Malaysia sentiasa bersedia membincangkan perkara ini;

Pada masa ini Pentadbiran Presiden Aquino masih sedang berusaha untuk mengatasi beberapa masalah dan kerumitan, terutamanya yang berpunca dari Senate Filipina mengenai Rang Undang-undang untuk menggugurkan tuntutan ke atas Negeri Sabah,

Tuan R..M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedar-
kah Kerajaan bahawa Filipina sentiasa bermain sandiwara atau ber-
lakon dalam penyelesaian tuntutan Filipina ke atas Sabah. Misalnya,
sebelum sidang ASEAN mereka begitu ghairah memperkatakan tentang
penyelesaian ini tetapi sehingga sekarang senyap. Bolehkah kita
percaya bahawa usaha yang sedang dilakukan ini benar-benar satu
usaha untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua,
melalui pendirian dan pendapat Presiden Aquino dan Setiausaha Luar-
nya iaitu Menteri Luarnya yang telahpun berjumpa dengan pihak Per-
dana Menteri dan Menteri Luar kita, mereka nampaknya begitu yakin
dan begitu ikhlas untuk menarik balik tuntutan ke atas Negeri Sabah
apabila mereka berjumpa dengan ketua-ketua pemimpin kita baik di
Malaysia mahupun di Filipina. Tetapi malangnya, Presiden Aquino dan
Kerajaannya tidak ada kuasa untuk mempengaruhi Dewan Senate yang
begitu independent ataupun autonomous dari segi mereka membuat kepu-
tusan, kerana pihak Senate begitu autonomous dan begitu berpendirian
sendiri maka walaupun pihak Kerajaan Filipina telahpun menasihati
ataupun memujuk agar Senate menggugurkan tuntutan itu tetapi Senate
berpendapat berlainan, oleh sebab itulah perkara menjadi buntu.

SYARAT WARGANEGARA MALAYSIA MELAWAT CHINA

7. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah beliau melonggarkan syarat kepada rakyat Malaysia yang ingin melawat Republik China. Syarat yang ada sekarang ialah pemohon-pemohon hendaklah berumur lebih dari 60 tahun. Jika syarat ini dapat dilonggarkan ramai lagi rakyat dapat diberi peluang melawat Republik China.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob**]: Tuan Yang di-pertua, syarat umur bagi warganegara Malaysia yang ingin melancong ke Republik Rakyat China ialah 60 tahun ke atas untuk sekali seumur hidupnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang membenarkan warganegara Malaysia yang berumur kurang daripada 60 tahun pergi ke Republik Rakyat China untuk tujuan melawat keluarga terdekat, mendapatkan rawatan perubatan dan juga atas tujuan perdagangan. Peraturan ini adalah wajar dan munasabah buat masa sekarang.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di~Pertua, soalan tambahan. Memandangkan baru-baru ini pihak Republik Rakyat China telah julung-julung kali melabur di negara kita dengan mengadakan projek pelaburan usahasama dengan pihak swasta di Malaysia, adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk membenarkan lebih ramai rombongan perdagangan dari pihak swasta untuk melawat ke Negeri China supaya mengadakan lebih lagi pelaburan-pelaburan usahasama dengan peniaga tempatan di negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya permohonan dibuat dan mempunyai persetujuan daripada pihak syarikat-syarikat negara China terhadap rombongan itu, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil pertimbangan yang serius.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah melawat ke Negeri China dalam tahun 1986/1987. Dan juga pecahan-pecahan, apakah tujuan-tujuan, berapa ramaikah untuk mendapat rawatan, berapa ramaikah untuk menjalankan perniagaan dan sebagainya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan rakyat Malaysia yang telah dibenarkan untuk melawat negeri China pada 1986 ialah 12,177 dan pada tahun 1987 ialah 12,181.

Bagi pecahan tujuan lawatan ialah ;

Tujuan lawatan	1986	1987
Yang melewati (lebih 60 tahun)	6,835	7,178
melewat kerana keluarga terdekat	3,274	2,564
Rawatan perubatan	111	100
Perdagangan	1 ,957	2 ,339
	12,177	12,181

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, sebenarnya apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk peniaga melakukan lawatan ke negeri China? Adakah lawatan sedemikian digalakkan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham, lawatan macam mana, adakah lawatan untuk perdagangan atau rawatan atau kerana hendak melawat saudara mara terdekat atau macam mana?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, ini lawatan perdagangan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Lawatan perdagangan ini ialah jikalau sekiranya pihak syarikat di sini atau pihak individu di Malaysia ini sudah mengenal pasti kawan kongsinya di negeri China dan ada hitam putih di antara kedua-dua pihak, dengan sebab itu permohonan bolehlah dibuat dan daripada surat hitam putih persetujuan tadi dipertimbangkan dan jika sekiranya tidak ada rekod-rekod jenayah dan sebagainya di masa-masa yang lampau, maka pemergian ke negeri China akan diluluskan.

KAPAL SELAM TLDM

8. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilakah TLDM menggunakan kapal selam dalam operasinya;
- (b) dari negara manakah kapal selam itu dibeli; dan
- (c) setakat ini apakah kelengkapan angkatan tentera laut kita gunakan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Angkatan Tentera Laut Di-Raja Malaysia (TLDM) masih belum lagi mempunyai kapal selam. Walau bagaimanapun TLDM memang ada rancangan untuk melengkapkan kapal selam sebagai langkah mempertingkatkan keupayaannya mengawal perairan negara dari sebarang pencerobohan musuh. Persediaan dan perancangan untuk memulakan perkhidmatan kapal selam sedang dijalankan sekarang.
- (b) Setakat ini saya tidak dapat memaklumkan apakah jenis kapal selam yang akan dibeli kerana ianya masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan.

- (c) Memandangkan soalan ini menyentuh tentang jenis alat kelengkapan TLDM maka maklumat ini tidak dapat saya maklumkan kepada Dewan ini kerana ianya melibatkan pendedahan terhadap kekuatan Angkatan Tentera kita. Walau bagaimanapun, boleh juga saya nyatakan secara amnya iaitu TLDM dilengkapi dengan pelbagai jenis kapal perang dan peronda termasuk kapal-kapal logistik, kapal pendarat, dengan izin, landing ship, Frigate, kapal penangkis periok api, kapal serang laju berpeluru berpandu serta kapal ukur dan kapal ronda.

KAKITANGAN PENGUASA TEMPATAN - PERTUKARAN

9. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau pernah mengadakan pertukaran pegawai-pegawai di antara Majlis-majlis Daerah di Semenanjung Malaysia untuk meninggikan mutu dan prestasi mereka,

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [**Dato' Haji Hussein bin Ahmad**]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang digunakan, semua kakitangan Penguasa-penguasa Tempatan dan Perbandaran adalah menjadi tanggungjawab Penguasa-penguasa Tempatan dan Perbandaran dikecuali Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan Setiausaha. Lazimnya ketiga-tiga jawatan ini dilantik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Menyentuh di dalam masalah pertukaran, oleh kerana pegawai-pegawai ini menjadi tanggungjawab kepada Penguasa-penguasa Tempatan, maka terpulang kepada Penguasa-penguasa Tempatan itu sendiri. Tetapi kepada tiga jawatan yang saya sebutkan tadi Kerajaan Negeri biasanya mengadakan pertukaran. Ini di atas kehendak Kerajaan Negeri.

Andainya ketiga-tiga jawatan ini dilantik daripada pegawai Persekutuan, pihak JPA boleh mengadakan pertukaran setelah berunding dan persetujuan daripada pihak Kerajaan Negeri.

KAPALTERBANG TUDM - KEMALANGAN

10. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pertahanan menyatakan

- (a) jumlah kapalterbang TUDM yang jatuh terhempas semenjak Januari, 1987 sehingga sekarang dan kerugian yang dialami;
- (b) punca kemalangan-kemalangan ini berlaku dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kemalangan; dan
- (c) sama ada kapalterbang-kapalterbang yang jatuh terhempas itu telah diganti dan jenis-jenis penggantinya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj : Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Jumlah kemalangan kapalterbang TUDM semenjak bulan Januari 1987 sehingga sekarang ialah sebanyak dua buah. Anggaran kerugian dan kedua-dua kemalangan tersebut ialah \$14 juta.
- (b) Dari dua kemalangan pesawat tersebut punca sebenarnya masih belum dapat dipastikan kerana satu daripada kejadian kemalangan tersebut masih lagi dalam penyiasatan pihak Lembaga Penyiasatan TUDM manakala dalam kemalangan yang satu lagi pihak TUDM masih lagi sedang mencari bangkai pesawat yang dilaporkan telah hilang di udara Laut China Selatan.

Kementeriari Pertahanan memang sedar bahawa tiap-tiap satu kemalangan adalah merupakan satu kerugian kepada negara, kerana ianya bukan sahaja mengorbankan nyawa malah harta benda. Menyedari hakikat ini, pihak TUDM telah menubuhkan organisasi tertentu untuk mengawal dan mencegah dari terjadinya kemalangan-kemalangan yang mungkin dapat dielaki. Kempen-kempen keselamatan penerbangan serta langkah-langkah yang tertentu sentiasa diambil dengan secara aktif setiap masa di samping kawalan dan undang-undang yang berkaitan dengan cara-cara penggunaan pesawat terbang diperketatkan setiap masa.

- (c) Setakat ini pesawat-pesawat yang musnah itu belum lagi diganti dengan yang baru.

SEMBAHYANG JUMAAT BAGI PEKERJA ISLAM SEKTOR SWASTA

11. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau akan mewartakan waktu kelepasan sembahyang Jumaat bagi sektor swasta untuk memudahkan pekerja-pekerja Islam menunaikan kewajibannya. Masih terdapat banyak sektor swasta tidak memberi kelepasan kepada pekerja-pekerja Islam menunaikan fardhu Jumaat.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum ada cadangan untuk mengadakan undang-undang untuk memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja Islam dalam sektor swasta bagi tujuan menunaikan fardhu sembahyang Jumaat. Memang ada kilang-kilang yang tidak dapat memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja Islam menunaikan sembahyang Jumaat kerana jenis operasi kilang-kilang tersebut tidak mengizinkan majikan melepaskan mana-mana pekerja.

Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai Kementerian ini akan terus menasibatkan para majikan supaya memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja Islam menunaikan sembahyang Jumaat. Di mana keadaan mengizinkan para majikan pada lazimnya tidak enggan melepaskan pekerja-pekerja Islam untuk menunaikan sembahyang Jumaat selepas menerima nasihat daripada pegawai-pegawai Kementerian ini .

SKIM KEUTAMAAN AM (GSP) - PETISEN AFL-CIO

12. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) sejauh manakah kesan yang terjadi hasil dari dakwaan Setiausaha Agung Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia yang kononnya Kerajaan Malaysia tidak menghormati hak-hak pekerja (walaupun beliau menafikan) dan menyebabkan petisen dari Persekutuan Buruh dan Kongres Pertubuhan Pekerja Amerika (AFL-CIO) meminta pentadbiran negaranya membatalkan kemudahan skim keutamaan am atau GSP yang dinikmati oleh Malaysia; dan
- (ii) sejauh manakah siasatan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja Malaysia itu dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil bagi mengatasi isu ini .

12.7.88

32. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap Setiausaha Agung M.T.U.C. yang mencadangkan kepada Amerika Syarikat supaya menarik balik sistem G.S.P. yang dinikmati oleh Malaysia selama ini.

13.7.88

70. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas Dr. V. David, Setiausaha Agung MTUC yang telah beberapa kali membuat penafian dan pengakuan yang memutar-belitkan semua pihak dengan penglibatan beliau meminta Persekutuan Buruh dan Kongres .Pertubuhan Pekerja Amerika (AFL-CIO) supaya ditarikbalik keistimewaan Skim Keutamaan Am (GSP) kepada Malaysia.

14. 7. 88

76. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan Kerajaan kita patut ambil terhadap sikap Setiausaha Agung Kongres Sekerja Malaysia (MTUC) yang telah mengaku bertanggungjawab mendesak AFL-CIO meminta Washington menarik balik segala kemudahan bebas cukai kepada Malaysia yang menjadi kecoh baru-baru ini.

15.7.88

76. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas Setiausaha Agung MTUC, Dr. V. David kerana disakannya supaya Kerajaan Amerika menarik balik "Skim Keutamaan Am" (GSP) yang diberikan kepada Malaysia.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di~Pertua, saya memohon izin menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chai Ho pada hari ini juga, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih pada 13hb Julai, 1988, Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Nam pada 14hb Julai, 1988 dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah pada 15hb Julai, 1988 memandangkan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat akan tindakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia yang telah mendesak AFL-CIO meminta Kerajaan Amerika Syarikat menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) yang dinikmati oleh Malaysia. Perbuatan sedemikian adalah bercanggah dengan tujuan asal kewujudan kesatuan sekerja yang mana adalah untuk memberi perlindungan kepada kaum pekerja

Memandangkan desakan tersebut belum membawa sebarang kesan buruk ke atas ekonomi negara kita, maka buat sementara waktu Kementerian Buruh tidak bercadang membuat syor kepada Kerajaan mengenai tindakan yang harus diambil terhadap Setiausaha Agung itu. Walau bagaimanapun, Kementrian Buruh akan mengikuti perkembangan lanjut dalam perkara ini, khususnya akibat desakan itu terhadap ekonomi negara kita dan sekiranya perlu akan membuat syor supaya tindakan sewajarnya diambil sama ada mengikut undang-undang ataupun mengikut prosidur pentadbiran terhadap beliau.

Selain dari itu, Kementerian Buruh akan juga mengkaji semula peranan Kongres Kesatuan Sekerja di forum-forum antarabangsa. Sebagai langkah mempertahankan kepentingan negara di luar negeri, perhatian yang lebih akan diberi kepada menguatkan lagi jentera Kerajaan dalam membidas sebarang tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan negara.

Kerajaan juga akan terus berasaha untuk menanamkan kesedaran kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja mengenai sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan ekonomi negara khasnya daripada tindakan sedemikian. Ke arah mencapai tujuan ini, usaha akan dipergiatkan lagi untuk menggalakkan perbincangan isu-isu perburuhan di dalam negeri melalui perundingan tiga pihak terutamanya di mesyuarat-mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan di bawah Kementerian Buruh.

Sehubungan dengan ini, perlu juga ditegaskan bahawa pihak pekerja sendiri juga harus lebih berjaga-jaga akan tindakan pemimpin-pemimpin mereka yang mengakibatkan tindakbalas yang boleh menjejaskan kedudukan dan kepentingan kaum pekerja. Oleh itu kaum pekerja perlu cuba mengawasi tingkah-laku pemimpin-pemimpin mereka dengan lebih rapi lagi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan seorang pemimpin yang mengkhianati pekerja-pekerja, kalau mengikut laporan, jika Amerika membatalkan GSP, lebih kurang 75,000 pekerja akan terjejas. Kenapa tidak Kementerian Buruh mengambil tindakan melucutkan seorang pemimpin yang mengkhianati pekerja-pekerja itu?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian tidak ada kuasa untuk melucutkannya kerana MTCU bukan di bawah Kementerian Buruh. Walau bagaimanapun, kita memberi kesedaran kepada pihak kaum pekerja agar lebih peka untuk memilih pemimpin-pemimpin mereka yang lebih bertanggungjawab supaya tidak menjejaskan kepentingan kaum pekerja dan juga negara kita .

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Cuma saya hendak tahu berapa lamakah laporan penyiasatan terhadap orang yang berkenaan itu akan disiapkan untuk dihantar kepada pihak Kerajaan.

Yang kedua, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa kelakuan yang telah ditunjukkan ini memang sudah sepatutnya boleh dirampas kerakyatannya. Kita tidak boleh mengakui dia lagi sebagai rakyat Malaysia kerana mencemarkan nama baik negaranya sendiri di luar negeri. Itu sebab saya kata, kita kena bendung banyak musang berbulu ayam pada masa sekarang.

Tuan Kalakau Untol : Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengadakan kajian dan mengikuti perkembangan sejak Setiausaha Agung MTUC itu membuat kenyataan di Miami pada tahun 1987. Berikutan dengan itu beberapa kerahan telah dibuat kepada MTCU sendiri khususnya kepada ahli-ahli seperti saya katakan awal-awal tadi.

Mengenai soalan kedua mengenai kerakyatan , belura sampai masanya kerana ia belum ada sebarang kesan buruk terhadap negara kita dan AFL-CIO pun belum lagi menentukan sama ada menerima gesaan Setiausaha Agung MTUC tersebut. Kita akan mengikuti perkembangan selanjutnya ,

FELDA - PERANAN DAN MASA DEPAN

13. **Tuan C, Krishnan** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah perkembangan setakat ini, berkaitan dengan suatu jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk mengkaji struktur FELDA.

- (a) adakah Kementerian puashati dengan sambutan orang India ke skim FELDA. Jika tidak apakah langkah yang diambil untuk menarik balik ramai kaum India;
- (b) baru-baru ini seramai 1,000 peneroka di Jerantut mengadakan tunjuk perasaan kerana mereka tidak puashati dengan bayaran bagi buah kelapa sawit dan seramai 18 peneroka di Kulai menuntut hakmilik berasingan dan bukan secara berkongsi. Pihak FELDA haruslah memelihara kepentingan para peneroka. Imej FELDA kita haruslah dijaga, seperti pujian yang disebut dalam World Bank Report, "FELDA is one of the most successful land development organisations in the world"; dan
- (c) kebanyakan peneroka sudah tua dan anak-anak mereka bekerja di bandar. Jadi mereka pajakkan tanah mereka kepada orang luar. Cara ini menjejaskan pendapatan mereka. Adakah pihak FELDA bercadang untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertrua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telahpun menubuhkan satu jawatankuasa Khas untuk mengkaji peranan dan masa depan FELDA. Untuk membantu Jawatankuasa ini satu panel perunding yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan, pakar-pakar dalam bidang sosiologi, ekonomi, pengurusan, pertanian sama ada dari pihak swasta dan juga golongan akademik daripada pusat-pusat pengajian tinggi telahpun dibentuk. Objektif kajian ini ialah untuk membuat satu penilaian menyeluruh dan terperinci ke atas FELDA.

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu pulangan ataupun sumbangan kepada peneroka dan juga negara dari segi ekonomi, dari segi sosial dan juga politik. Pada permulaannya Jawatankuasa ini

telah diberi tempoh tiga bulan untuk meriyapkan kajian, ini tetapi untuk memastikan supaya kajian ini benar-benar merangkumi semua aspek pengurusan FELDA, kepentingan peneroka dan juga kepentingan negara, maka tempoh usaha ini telah dilanjutkan.

Adalah diharapkan Jawatankuasa ini akan dapat mengemukakan kepada Kerajaan akan alternatives , dengan izin, dan strategi-strategi pembangunan tanah dan juga pembangunan peneroka yang lebih mantap untuk mengatasi. masalah-masalah yang dihadapi sekarang ini.

Kementerian ini sentiasa memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka dan dalam masa yang sama perlu juga memberi keutamaan kepada pembangunan ekonomi negara di dalam menjamin pengeluaran bahan-bahan mentah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat , setakat ini Jawatankuasa Pengkajian telahpun mengadakan beberapa mesyuarat untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan masalah pembangunan rancangan tanah FELDA dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka . Dalam jangka masa yang telah diberikan, Jawatankuasa ini akan dapat membuat keputusan dan syor yang dirasakan sesuai untuk menentukan arah aliran masa depan FELDA yang lebih baik dengan memberi keutamaan kepada kepentingan ekonomi negara dan tidak kurang juga kepentingan peneroka .

Untuk menjawab soalan (a) , permobonan untuk menyertai rancangan FELDA adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum ataupun keturunan. Tidak ada sekatari yang dikenakan kepada mana-mana kaum baik di peringkat Negeri atau Pusat dan tiada pula kuota-kuota yang ditentukan bagi kaum-kaum berkenaan.

Penempatan calon-calon peneroka dari mana-mana kaum adalah bergantung kepada bilangan yang memohon, keputusan temuduga, susunan ketinggian markah dari kekosongan tempat. Mereka akan ditawarkan menyertai mana-mana rancangan setelah mendapat kelulusan penempatan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan. Pihak Kerajaan adalah berpuas hati dengan sistem pemilihan ini .

Untuk menjawab soalan (b) mengenai peneroka yang menunjuk perasaan di kawasan Jerantut adalah berpunca dari rasa tidak puas hati mereka dengan bayaran yang dibuat oleh FELDA ke atas buah sawit mereka.

Tindakan segera telah diambil oleh FELDA untuk mengatasi masalah ini . Kelemahan-kelemahan telah dikenalpasti dan tindakan segera diambil untuk mengatasinya. Keupayaan kilang diperbaiki di mana perbadanan kilang FELDA telah meluluskan peruntukan sebanyak \$500,000 untuk beberapa kerja tambahan di kilang berkenaan.

Berhubung dengan 18 orang peneroka di kawasan Kulai yang menuntut hakmilik berasingan, perbincangan-perbincangan telah diadakan oleh Kementerian saya dan Pentadbiran FELDA dengan mereka yang berkenaan untuk diberi penjelasan. Di dalam perkara ini, Kementerian tidak memberi pertimbangan kepada tuntutan mereka oleh kerana ini menyentuh satu dasar yang besar yang telah ditentukan dan juga oleh kerana mereka telah bersetuju dan menandatangani perjanjian di antara FELDA dan mereka supaya tanah ladang mereka itu didaftar atas nama Koperasi Hakmilik Tanah FELDA Taib Andak di mana mereka hendaklah menjadi ahlinya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini 17 daripada 18 mereka ini telahpun bersetuju memasuki koperasi dan hanya seorang sahaja yang masih belum memasuki koperasi tersebut. FELDA sentiasa

mengambil berat di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh peneroka walaupun ianya dicetuskan oleh sebilangan kecil peneroka sahaja.

Bagi jawapan (c), FELDA menyedari bahawa sebilangan besar peneroka di dalam rancangan FELDA yang dibangunkan sebelum tahun 1970 an telah tua dan uzur. Peneroka yang tua dan uzur ini tidak lagi mampu dan berdaya untuk menguruskan ladang-ladang mereka. Kerja-kerja ladang diupah kepada buruh atau dikendalikan oleh anak-anak mereka dan keluarga peneroka sendiri. Bagi membaiki keadaan ini satu program yang dinamakan Program Pengganti Kerja Peneroka telah dilaksanakan bagi memastikan kerja-kerja ladang peneroka terus dikendalikan secara berkesan dan memberi pulangan yang maksima. Program ini dilaksanakan sejak tahun 1984 bertujuan mengenal-pasti daripada kalangari anak-anak dan keluarga peneroka yang layak, berminat dan sanggup mengambil alih dan menguruskan kerja-kerja ladang bagi pihak peneroka yang tua itu. Bagi memastikan jenerasi kedua ini mampu mengendalikan kerja-kerja ladang mengikut teknik pertanian moden dan sentiasa committed kepada pembangunan FELDA, kursus kepada pengganti kerja peneroka dilaksanakan. Kursus-kursus ini meliputi aspek pengendalian kerja-kerja ladang, pembangunan masyarakat dan juga aspek pengurusan FELDA.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat: penjelasan apakah syarat-syarat dan kelayakan bagi seseorang rakyat negara kita yang ingin memohon sebagai seorang peneroka dalam satu skim FELDA. Saya sebut demikian kerana ada setengah-setengah pemohon-pemohon daripada kaum Tionghua yang tidak berjaya dalam permohonan ini tidak diberi sebab-sebab.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat untuk menjadi peneroka adalah jelas sekali:

- (i) ianya mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) sudah beristeri ;
- (iii) mempunyai umur antara 18-35 tahun dan kadangkala kita memberi kelonggaran, umpamanya sepertimana ditanya tadi dari bekas-bekas perajurit di mana kita pernah memberi kelonggaran 40 tahun ataupun 45 tahun. Had umur ini ada rasionalnya kerana dalam rancangan FELDA ini mereka dikehendaki membayar balik segala hutang yang ditanggung oleh mereka dalam masa lebih kurang 15 tahun. Jika sekiranya umur itu berlebihan, katakan 55 tahun, umur 65 tahun baru bayar separuh hutang timbullah soal uzur dan tua ini; dan
- (iv) tidak mempunyai tanah, kalau adapun tanah di luar bandar tidak lebih daripada dua ekar.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yaag di-Pertua, saya tidak berapa puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri . Soalan saya, adakah Kementerian puas hati dengan sambutan orang India ke skim FELDA itu. Yang Berhormat Menteri kata sambutan itu kepada keseluruhan

tanpa mengira kaum, baik, tetapi sekiranya sambutan tidak ada apa sebab, adakah masalah sosio ekonomi ataupun masalah yang lain. Maksud soalan saya itu adakah sambutan daripada keturunan kaum India dan berapakah peratus peneroka-peneroka keturunan India di dalam FELDA?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan puas hati atau tak puas hati itu soalan relatif. Saya puas hati, Yang Berhormat tak puas hati, boleh jadi kerana bilangan kaum India tidak mencukupi, mungkin mereka mahu berpuluh-puluh ribu lagi kaum India masuk di rancangan FELDA, tetapi soalnya kita mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Oleh itu, kalau Yang Berhormat tak berpuas hati dengan jawapan saya itu terpulanglah kepada Yang Berhormat, pada hal soal puas hati hanya merupakan satu bahagian daripada soalan dan jawapan saya telah diberi, saya rasa dengan begitu komprehensif sekali.

Tentang soal peratusan, saya tidak mempunyai angka yang ada di sini. Walau bagaimanapun, bolehlah saya memberi sedikit bayangan kepada Ahli Yang Berhormat, di kalangan para bakal peneroka ataupun pemohon-pemohon rancangan yang masih dalam senarai menunggu sebanyak 12,681 calon sekarang, ada lebih kurang 483 calon daripada keturunan India.

Tuan Balaram Pethanaidu: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Yang Berhormat Menteri bercadang meluluskan permohonan-permohonan daripada koperasi-koperasi yang bercorak nasional dan mempunyai ahli-ahli yang miskin dan berpendapatan rendah.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, peneroka dipilih berasaskan kepada kelayakan individu dan bukan koperasi.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati jawapan Yang Berhormat Menteri [**Ketawa**], cuma saya hendak tanya, di samping Yang Berhormat Menteri menubuhkan satu jawatankuasa khas, adakah atau tidak mengadakan satu program supaya memberitahu kepada perancang-perancang orang yang mengambil rancangan FELDA ini supaya mereka ini benar-benar faham bahawa rancangan itu adalah disediakan oleh Kerajaan? Maka sampai satu ketikanya kalau dia tak dapat balas budi Kerajaan memadai dengan mengenang budi kalau mahu jadi manusia dalam dunia ini kerana saya dapati banyak mereka ini sudah terpengaruh daripada anasir-anasir yang boleh menghuru-harakan keadaan negara. Jadi, saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Menteri menyediakan satu program untuk memberikan penerangan terutamanya kepada generasi yang akan datang yang mewarisi rancangan FELDA itu supaya mereka benar-benar faham dan tahu mengenang budi kepada Kerajaan yang memerintah sekarang.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mempunyai program sentiasa menjalankan penjelasan dan penerangan kepada peneroka-peneroka FELDA dan juga kadangkala kita mengadakan ceramah khas di kalangan peneroka-peneroka. Kita mempunyai satu unit yang terbesar dalam pertubuhan FELDA ini yang dinamakan Unit Pembangunan Peneroka di mana salah satu daripada tugasnya ialah untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada peneroka-peneroka ini tentang peranan yang telah dimainkan oleh FELDA dan juga segala usaha Kerajaan untuk memberikan mereka satu taraf hidup yang lebih baik, untuk memberi mereka satu keadaan yang boleh membawa kebahagiaan kepada kemakmuran kepada mereka sendiri.

Sepertimana kita sedia maklum, banyak daripada peneroka-peneroka yang ada dalam rancangan sekarang telahpun memiliki atau sedang memiliki banyak harta dan juga mempunyai anak-anak yang ada di kalangan mereka bertugas dengan Kerajaan dengan kelulusan universiti dan juga di FELDA sendiri beribu-ribu daripada anak-anak ini yang datangnya daripada rancangan FELDA yang telah berjaya dalam pelajaran tinggi hasil daripada usaha Kerajaan kita menerusi rancangan-rancangan FELDA ini .

MENJEJAS KEPENTINGAN NASIONAL - TINDAKAN

14. Tuan Lim Heng Tee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap rakyat Malaysia yang melakukan sesuatu yang akan menjejaskan kepentingan nasional Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya memaklumkan bahawa soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah terlalu umum. Bagaimanapun, sukaiah saya menjelaskan bahawa tindakan tegas akan diambil oleh Kerajaan ke atas mereka yang didapati melakukan sesuatu yang akan menjejaskan kepentingan nasional negara kita ini. Bentuk tindakan tersebut adalah bergantung besar kepada jenis dan keadaan ancaman yang dilakukan oleh mereka yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, segala bentuk tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam mengekalkan kepentingan nasional adalah berlandaskan Perlembagaan Negara dan undang-undang yang ada sesuai dengan amalan Kerajaan sebagai sebuah negara Demokrasi Berparlimen. Antara undang-undang yang berkaitan ialah Akta Hasutan, Akta Buang Negeri, Akta Rahsia Rasmi, Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Dadah Berbahaya dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat).

Dato' Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan yang saya hendak soal ini sudah sebanyak sedikit dijawab oleh Kementerian Buruh, tetapi saya ingin mendapat jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri iaitu apakah kesalahan-kesalahan yang didapati pada V. David, Setiausaha Kesatuan MTUC dan jika didapati ada kesalahannya, apakah hukuman yang patut dihukum?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat V. David telah dituduh tidak bertanggungjawab kerana menggesa AFL-CIO (American Federation of Labour/Congress of Industrial Organisations) supaya menarik balik keistimewaan yang dinikmati oleh negara Malaysia di bawah GSP (Generalised System of Preferences) iaitu keistimewaan bersabit dengan perdagangan dua hala seperti kemudahan cukai dan sebagainya.

Tentang soalan yang kedua, setakat ini Kerajaan belum bercadang mengambil apa-apa tindakan dan menyerahkan kepada Malaysian Trade Union Congress (MTUC) bagi mengambil apa-apa tindakan terhadap Yang Berhormat V. David. Bagaimanapun, sekiranya keadaan memerlukan, Yang Berhormat V. David boleh diambil tindakan di bawah undang-undang tertentu, misalnya Akta Hasutan, Akta Keselamatan Dalam Negeri atau lain-lain akta yang berkaitan dengannya.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, adakah tindakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Ini melambangkan tidak taat setianya kepada negara kita? Jika ianya melambangkan tidak taat setianya kepada negara kita mengapakah kerakyatannya tidak dapat dilucutkan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jikalau sebenarnya apa yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat V. David, ia bukan sahaja dianggap tidak setia tetapi derhaka kepada negaranya sendiri. Tentang tindakan kewarganegaraannya itu, ini terpulang kepada beliau sendiri untuk kalau sekiranya beliau ingin menyerahkan kembali kewarganegaraannya maka beliau boleh melakukannya, kalau tidak, kerana kewarganegaraannya adalah tercatat dalam Bahagian III, Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 15 hingga 73 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"(11hb Julai, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa mesyuarat ditangguhkan semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan sedang menjawab. Sekarang saya menjemput beliau menyambung ucapan beliau. Silakan Yang Berhormat.

3.33ptg.

Dr. Ting Chew Poh: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambungkan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan semalam.

Yang pertama, berhubung dengan masalah penyakit AIDS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon, Senator Dr. Chong dari Sabah dan Senator Lau Keng Siong. Ingin saya menegaskan di sini bahawa Kementerian memang mengambil berat tentang perkara ini dan beberapa langkah untuk mencegah dan mengawal penyakit AIDS termasuklah yang pertama memeriksa dan menguji semua darah yang didermakan. Kini Kementerian Kesihatan mempunyai sebanyak 24 pusat menguji darah bagi mengesan antibody terhadap HIV.

Yang kedua, memberi pendidikan kesihatan dengan seluas-luasnya berhubung dengan penyakit AIDS. Dalam hubungan ini Kementerian

telah mencetak dan mengedarkan beribu-ribu risalah dalam berbagai bahasa termasuk Bahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil mengenai penyakit AIDS untuk menyedarkan semua lapisan masyarakat termasuk pengembara-pengembara ke luar negeri tentang bahaya AIDS serta cara-cara untuk mencegah dan mengawalinya. Di samping itu, maklumat mengenai AIDS telah dan sedang disebarkan dengan luasnya melalui penerbitan-penerbitan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan media massa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kempen Imunisasi Hepatitis B, seperti yang dibangkitkan oleh Senator Chong Eng Leong dan Senator Law Jack Yoon, ingin saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian sedar akan bahaya penyakit Hepatitis B. Kini Kementerian sedang menunggu peruntukan tambahan untuk melancarkan satu kempen secara besar-besaran untuk mencegah penyakit Hepatitis B di kalangan rakyat jelata. Mengenai pendidikan kesihatan yang dibangkitkan oleh beberapa orang Senator, saya ingin menyatakan di sini bahawa pendidikan kesihatan memang menjadi salah satu program yang penting dalam Kementerian Kesihatan. Objektif utama pendidikan kesihatan ialah meninggikan taraf kesihatan individu, keluarga dan masyarakat dan dalam soal ini tumpuan khas diberikan kepada beberapa kumpulan sasaran seperti berikut:-

1. Para penduduk luar bandar
2. Kanak-kanak sekolah
3. Pengguna-pengguna perkhidmatan kesihatan, khasnya ibu-ibu, kanak-kanak, pesakit dan masyarakat umum.

Sekiranya ada golongan-golongan tertentu, misalnya JKKK yang memerlukan pendidikan ataupun maklumat yang khas mengenai sesuatu jenis penyakit, pihak Kementerian sudi memberi bantuan jika ada

permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh Senator Mustafa Awang iaitu mengenakan suntikan bagi orang tua yang masuk ke negara ini. Pada waktu ini cuma suntikan bagi demam kuning diperlukan sekiranya seseorang itu datang daripada ataupun pergi ke tempat yang diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan penyakit itu. Suntikan bagi penyakit-penyakit yang lain tidak disyaratkan oleh mana-mana negara di bawah peraturan-peraturan kesihatan antarabangsa dan buat masa sekarang masih belum ada suntikan yang dapat mencegah penyakit AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan oleh Senator Mustafa juga bahawa ada kakitangan Kementerian Kesihatan menyalahgunakan kemudahan Kerajaan, pihak Kementerian mengambil berat dakwaan itu dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tata-tertib jika seseorang pekerja didapati melanggar peraturan. Saya berharap Yang Berhormat Senator dapat memberikan butir-butir yang lanjut tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, dua lagi persoalan. Yang pertama, berhubung dengan penyakit puru yang dibangkitkan oleh Senator Mustafa Awang. Penyakit ini telah dikawal di seluruh negara dan tidak lagi menjadi masalah kesihatan. Yang kedua, berhubung dengan soal kebersihan makanan dan juga alam sekeliling kita. Saya ingin menegaskan bahawa kebersihan itu satu tanggungjawab semua pihak individu, pengendali makanan dan juga Kerajaan. Kita memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk memastikan kebersihan dalam makanan dan juga kebersihan dalam alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain perkara yang dibangkitkan yang belum sempat saya jawab akan kami ambil ingatan dari perhatian. Pihak Kementerian memberi jaminan bahawa kami akan mengutamakan kesihatan rakyat jelata semasa menjalankan tugas kami. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, penyalahgunaan dan penagihan dadah atau dengan ringkasnya PPD, masih lagi menjadi masalah yang serius yang kita hadapi sekarang. Mengikut perangkaan kita bagi jangka masa 1970 hingga Disember, 1987 jumlah cumulative penagih dadah yang dikesan buat pertama kalinya melebihi angka 128000 orang. Walaupun untuk beberapa tahun kebelakangan ini angka ini telah menurun, namun Kerajaan masih memberi perhatian yang berat terhadapnya .

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, berbagai-bagai langkah dan tindakan telah diambil. Ini termasuklah tindakan-tindakan dalam lima bidang yang berikut yang dilaksanakan sekali gus iaitu :-

- (i) Penggubalan undang-undang yang ketat;
- (ii) Tindakan pencegahan melalui penguatkuasaan yang tegas;
- (iii) Langkah-langkah pemulihan dan kemudahan rawatan;

- (iv) Tindakan positif: dengan kempen-kempen kesedaran mengingatkan orang ramai bahawa dadah itu najis dan merbahaya; dan
- (v) Kerjasama antarabangsa .

Kesemua ini dilakukan dengan gigih, teliti dan menyeluruh. Peningkatan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan meliputi semua peringkat dan keseluruhan negara. Usaha dan tindakan kita memerangi najis dadah ini telah mendapat sokongan rakyat. Ini telah terbukti dengan periyertaan mereka dalam badan-badan sukarela menentang penyalahgunaan dadah, peranan mereka dalam kempen-kempen dan dalam aktiviti-aktiviti pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, kegigihan kita memerangi penyalahgunaan dan penagihan dadah bukan sahaja telah mendapat perhatian dunia tetapi juga sokongan mereka. Walaupun, ada negara-negara yang menyebarkan berita-berita negatif terhadap usaha-usaha kita, terutama sekali mengenai hukuman gantung mandatori bagi pengedar-pengedar yang sabit kesalahan mereka namun ini tidak membawa kesan. Tindakan kita ini tidak ada bandingnya di negara-negara lain, baik dari segi perundangannya, usaha-usaha pemulihan mahu pun kempen-kempen yang diadakan.

Malah kempen kita menyebarkan mesej anti-dadah ke seluruh dunia telah mencapai kemuncaknya dengan perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjadi Presiden kepada Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah di Vienna pada 17hb hingga 26hb Jun, 1987 yang lalu. Ini jelas menunjukkan negara-negara Barat juga mengakui perjuangan anti-dadah kita.

Setelah beberapa tahun kita memerangi najis dadah ini, kita telah mencapai banyak kejayaan. Ini boleh kita lihat dari meningkatnya bilangan pengedar dan penagih yang telah dibawa ke muka pengadilan, bilangan rawatan yang telah berjaya serta sokongan rakyat yang tidak jemu-jemu. Hasil dari sokongan orang ramai iaitu melalui maklumat-maklumat yang didapati dari mereka serta kegigihan penguatkuasaan, angka bilangan tangkapan pengedar dan penjual dadah telah meningkat seperti berikut:-

	Kes Tangkapan		
	1986	1987	1988 (Sehingga Mei)
Pengedar	479	529	225
Penjual	116	424	200

Akibat dari tertangkapnya pengedar dan penjual ini maka tertutuplah sumber dadah dari pengedaran. Dengan itu jumlah rampasan pihak berkuasa juga menurun seperti berikut:-

Jualan rampasan dadah mengikut tahun, jenis dan kuantiti:

Tahun	Jenis	Kuantiti
1986	Candu mentah	331.79 kilogram
1987	"	195.39
1988 (hingga kini)	"	137.4

Tahun	Jenis	Kuantiti
1986	Candu masak	6.28 kilogram
1987	"	22.01 "
1988 (hingga kini)	"	1.42 "
1986	Morphine	21.6 "
1987	"	0.45 "
1988 (hingga kini)		Tiada
1986	Heroin	114.8 "
1987	"	40.2 "
1988 (hingga kini)	"	60.96 "
1986	Pil Psikotropik	346,679 biji
1987	"	116,223 "
1988 (hingga kini)	"	56,336 "

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak kejayaan-kejayaan kita setakat ini, namun kita masih belum lagi boleh mendabik dada dan berbangga. Usaha menentang gejala ini perlu diteruskan lagi.

Kita mungkin telah mencapai kejayaan dari segi rawatan serta pemulihan penagih-penagih, perundangan dan kempen-kempen tetapi banyak lagi yang perlu kita buat dalam membanteras pengedar-pengedar dadah ini sendiri. Pengedar-pengedar dadah ini adalah penjenayah yang tidak berperikemanusiaan dan juga tidak bertimbang rasa. Secara langsung kesan kegiatan mereka boleh mengancam keselamatan negara dan melemahkan muda-mudi kita yang menjadi harapan bangsa dan negara. Betapa tidaknya lebih 60% daripada penagih-penagih yang telah dikesan adalah berumur antara 20 hingga 29 tahun. Jika pengedar-pengedar ini tidak dihapuskan, besar kemungkinan lebih ramai golongan remaja kita yang bakal menjadi pemimpin masa depan akan terjerumus dalam perangkap dadah. Masa depan negara kita akan musnah sekiranya pengedar-pengedar ini tidak dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya golongan pengedar dadah inilah yang menjadi punca masalah ini. Merekalah yang menyeludup dadah ke negara kita dan menjadikan negara kita sebagai saluran bekalan dadah antarabangsa di samping mengedarnya di sini. Mereka ini merupakan golongan yang mempunyai strategi dan cara bergerak yang rapi. Mereka bukan sahaja cekap merancang dalam pengedaran-pengedaran dadah dan mencari mangsa-mangsa baru tetapi yang lebih merbahaya usaha-usaha mereka termasuk juga mencari helah untuk melepaskan diri dari penguatkuasaan dan tindakan undang-undang. Justeru itu Kerajaan perlu mengawasi setiap gerakan mereka. Kita sentiasa perlu memikirkan cara-cara yang lebih berkesan, lebih rapi dan teliti untuk bertindak terhadap sesiapa sahaja, terutama sekali terhadap

pengedar-pengedar dan sindiket-sindiket mereka dalam memerangi najis dadah ini. Inilah tujuan utama pindaan Rang Undang-undang kali ini iaitu untuk meneruskan usaha memerangi dadah dari segi mengemaskini lagi perundangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman yang telah kita alami terdapat beberapa seksyen dalam ADB (LLPL) 1985 yang perlu dikemaskini dan ditambah. Oleh itu, kita perlu membuat pindaan yang bertujuan untuk menjadikan prosedur dalatn tindakan undang-undang dan penguatkuasaan menjadi lebih jelas dan tegas. Ini boleh mengelakkan pihak-pihak tertentu dari mencari ruang atau helah untuk melepaskan diri dari tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang teliti telah dibuat ke atas masalah ini dan Kerajaan dengan ini memperakukan supaya tambahan dibuat kepada Akta seperti Fasal 2. Fasal 2 ini mewujudkan seksyen baru 6A yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu perintah tahanan tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atau tidak berkuatkuasa sekiranya seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan daripada tempat yang dinyatakan di dalam perintah tahanan ataupun sekiranya penyerahan perintah itu dilakukan di tempat-tempat yang berlainan daripada tempat tahanan atau sekiranya terdapat sebarang kecacatan berhubung dengan penyerahan sesuatu perintah tahanan.

Fasal 3 -

Fasal ini mewujudkan subseksyen baru 11B bertujuan untuk mengekalkan pengesahan sesuatu perintah atau arahan yang dibuat sebelum tarikh ianya dibatalkan dan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah baru atau memberi arahan baru berkaitan dengan seseorang yang menjadi subjek kepada perintah yang telah dibatalkan itu. Peruntukan subseksyen ini berkuatkuasa dari tarikh seksyen 11B berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Puan Aion untuk memulakan perbahasan.

3.51 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri di Dewan yang mulia ini bagi menyokong penuh kepada pindaan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita iaitu yang berbunyi: Suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah meneliti pindaan kepada Akta berkenaan dan kita telah mendengar penjelasan yang begitu jelas dan nyata daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah membentangkan Akta di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati seperti yang diperkatakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dan yang disedari oleh rakyat jelata yang cintakan kedamaian, kesejahteraan dan kerukunan kepada generasi di Malaysia ini bahawa masalah dadah masih lagi merupakan masalah yang mengancam keselamatan negara dan masih lagi serius keadaannya walaupun beberapa langkah-langkah tegas dan berbagai-bagai cara serta program telah dijalankan oleh Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain Kementerian yang berkaitan, oleh badan-badan sukarela, oleh kebanyakan rakyat jelata tetapi nyata bahawa masalah ini masih membimbangkan kita. Dan wajarlah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam masa 3 tahun umur pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini terpaksa pula dibuat lagi satu pindaan seperti yang diterangkan untuk mengemaskinikan undang-undang yang dijalankan itu dan untuk mengkonkritkan lagi undang-undang ini supaya tidak ada ruang-ruang atau liku-liku yang boleh digunakan oleh mereka yang ditangkap atau ditahan, yang sudah punya banyak wang daripada hasil kerja mendagangkan nyawa-riyawa manusia yang tidak berperikemanusiaan dan yang sangat kejam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya undang-undang ini terpaksa dipinda lagi ialah kerana setelah meneliti dan mempelajari dengan teliti akan segala akibat daripada pelaksanaan undang-undang yang telah dipinda pada tahun 1985, nyatalah Kerajaan kita amat sedar dan sangat-sangat mengambil berat menjaga negara ini daripada musnah oleh bencana daripada najis dadah. Yang sebenarnya yang memainkan peranan yang penting ialah pengedar-pengedar.

Terdapat dalam masa 3 tahun ini mereka yang menjadi pengedar terutamanya 'bapak-bapak' pengedar yang ada juga di antaranya daripada rakyat luar negeri dan juga mereka yang memegang fungsi terpenting dalam pengedaran telah terlepas dari hukuman kerana kebijaksanaan mereka menggunakan wang, menggunakan lawyer dan sistem kehakiman di negara kita ini. Dan mungkin terlalu adil atau mungkin entah di mana silapnya, ada kes-kes jerung-jerung ini terlepas tetapi kes-kes ikan bilis didapati sabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dari segi pindaan ini kepada Fasal 2 iaitu yang memasukkan selepas Seksyen 6 seksyen baru 6A yang memperuntukkan bahawa -

Tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa jika orang yang terhadapnya sesuatu perintah tahanan dibuat telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat tahanan yang disebut di dalam Seksyen 6(2); atau

Jika penyampaian perintah itu telah dibuat di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam Seksyen 6(2); atau

Jika terdapat apa-apa kecacatan substansial yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa ini bahasa undang-undang, berbelit-belit bunyinya tetapi yang membawa maksud selepas Akta ini dikuatkuasakan, tidak ada lagilah ruang-ruang atau liku-liku yang boleh dipergunakan oleh lawyer-lawyer yang membawa pengedar-pengedar di mahkamah dan kemudiannya mendapat pula persetujuan daripada hakim-

hakim (bukan semua hakim) yang berlaku di negara kita ini yang kadangkala menggunakan budibicara sendiri membuat keputusan tanpa merujukannya kepada undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sangsi kepada keadaan ini, maka saya rasa pindaan ini sangat munasabah. Kalaulah pihak-pihak mahkamah - dengan rasa penuh hormat kepada khidmat mahkamah-mahkamah yang tidak terlibat dalam keadaan ini; dan juga peranan lawyer-lawyer - dengan rasa penuh hormat kepada lawyer-lawyer yang benar-benar menjalankan tanggungjawab tanpa ada apa-apa prejudis, maka saya rasa undang-undang ini tidak lagi dapat diperkotak-katikkan mengikut budibicara atau selera sendiri-sendiri seperti yang pernah kejadian dalam negara kita ini.

Menyentuh mengenai Fasal 3, Tuan Yang di-Pertua, antaranya ia itu memasukkan subseksyen baru (2) ke dalam Seksyen 11B yang telah dipinda supaya dibaca "11B. (1)" subseksyen baru (2) mengekalkan keesahan sesuatu perintah atau arahan sebelum tarikh pembatalannya dan kuasa Menteri untuk membuat perintah baru atau memberikan sesuatu arahan baru berkenaan dengan orang yang telah menjadi subjek sesuatu perintah yang telah dibatalkan. Ini juga dapat menguatkan lagi tindakan-tindakan terhadap mereka yang telah menjadi pengkhianat dan menjadi pembunuh kepada generasi dan juga keselamatan, ketenteraman di negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyentuh seperkara lagi iaitu mengenai Fasal 4(2) - melarang apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penahanannya yang disahkan di bawah Fasal 4(1). Mungkin untuk memahami dalam Fasal ini kita perlu

merujukannya kepada Akta **ibu**. Namun begitu saya dapat memahaminya bahawa dengan adanya pengemaskinian undang-undang ini, sekali lagi pihak-pihak pengedar tidak dapat menggunakan pengaruh kewangannya atau emosi sebagai simpati daripada pihak-pihak mahkamah dan juga lawyer-lawyer di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab apa saya mengaitkannya undang-undang ini dan pelaksanaannya di mahkamah yang ditentukan oleh hakim dan lawyer ialah kerana menelit beberapa kejadian yang telah berlaku. Amatlah kita sedih, amatlah kita terperanjat, amatlah kita rasa tidak tentu arah, sangsi apabila berlakunya satu peristiwa yang baru lalu di negara kita ini yang mengejutkan dunia di mana Sistem Kehakiman kita telah menjadi tandatanya kepada seluruh dunia dan rakyat jelata.

Kita faham bagaimana baru-baru ini satu perintah yang dikeluarkan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Tribunal melalui undang-undang yang tidak kemas telah dapat ditentukan oleh pihak yang dituduh dan menyebabkan beberapa gendalaan berlaku, walaupun pada zahirnya ataupun pada amnya, atau kepada sesiapa yang tahu berfikir perkara itu benar-benar menyalahi peraturan-peraturan. Kalaupun mungkin orang-orang yang tidak faham mengenai hal-hal perundangan dapat memikirkannya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana peristiwa ini boleh berlaku, sesuatu yang belum selesai lalu diambil tindakan tanpa merujukannya kepada undang-undang. Kemudian berikutan pula dengan penggantungan kepada lima orang Tan Sri-Tan Sri para hakim yang telah melakukan sesuatu yang bercanggah dengan perundangan dan peraturan di dalam negara kita ini. Kemudian lalu menjadi ribut hingga sampai pada ketika ini ianya merupakan satu isu yang amat mengelirukan dari yang ternyata, Tuan Yang di-Pertua, ialah rasa sangsi rakyat kepada Sistem Kehakiman kita, rasa sangsi rakyat kepada tindakan lawyer-lawyer kita yang dahulunya kita sangat puja dan puji dan diletakkan di tempat yang paling inggi sekali Timbulah 'pro-contra' dalatn hal ini yang sepatutnya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak-pihak Tan Sri-Tan Sri atau orang-orang yang cendikiawan, hakim-hakim yang terlibat dapat memikirkan implikasinya dari segi kenegaraan dan dari segi kestabilan negara ini dan keyakinan rakyat terhadap Sistem Kehakiman kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu peristiwa berlaku di Amerika di mana Peguam Negeranya telah dituduh dan dltohmah dengan erhagai-agai fitnah oleh pihak-pihak tertentu dan meminta meletakkan jawatan, tetapi Peguam Negara ini tidak mahu meletakkan jawatannya kerana ingin mempertahankan kebenarannya dan apabila diselidiki didapati ianya dipihak yang benar, maka beliau meletakkan jawatan. Mengapakah dia meletakkan jawatannya? Ialah kerana dia tidak mahu Sistem Kehakiman di negaranya dipertikaikan dan dijadikan sebagai satu isu pada rakyat jelata yang boleh menjejaskan Sistem Kehakiman dan boleh menimbulkan keraguan, kesangsian di kalangan rakyatnya. Alangkah baiknya kalau semua hakim-hakim kita di sini yang terlibat mengikut contoh yang berkenaan.

Kita membaca di akhbar-akhbar dan menerima juga laporan-laporan dari sahabat rakan dari kalangan lawyer yang tidak bersama dengan mereka yang memahami hasrat negara. Bagaimana pihak-pihak peguam yang kita sangat sayangi, sanjungi ini bersorak-sorai dan membuat kelakuan seperti seorang yang tidak begitu tinggi pelajarannya, seperti budak-budak sekolah yang agak liar iaitu mengboo-boo dalam satu keputusan yang dibuat di mahkamah di negara kita. Terdapat juga beberapa peristiwa yang melambangkan pihak-pihak yang begitu tinggi kedudukannya ini melakukan sesuatu perbuatan yang di luar dugaan rakyat, di luar dugaan kita semua kerana kita rasa mereka ini orang yang terhormati dan tinggi himahnya. Ada antaranya yang

berlagak seperti seolah-olah kumpulan gangster, Tuan Yang di-Pertua, maka inilah yang amat menyedihkan, wajar bagi Kerajaan kita mengemaskinkan undang-undang sebagai hak Kerajaan melindungi rakyat, melindungi kesangsian rakyat, menentukan Sistem Kehakiman di negara kita ini dihormati dan akan menjadi penaung kepada rakyat dari segi perundangan dan keadilan seperti yang telah dibuat oleh Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dalam pindaan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari beberapa kesan-kesan negatif yang dahshat daripada masalah najis dadah ini, jadi saya dengan sepenuh hati menyokong akan Pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang ada di hadapan kita ini.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli yang bendak berucap? Sila Yang Berhormat **Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.**

4.08 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, entahlah perkataan "dadah" ini sudah menjadi satu baban sangat dibenci, perkataan tidak mahu kita dengar, tetapi mengawalnya daripada apa sekalipun nampaknya tenat sekarang. Hasrat kita apakala sesuatu pindaan yang dibuat memperketatkan undang-undang kita, kita herharap dia akan mengurangkannya.

Sekarang ini kita ketara sekali dadah ini sudah jadi seperti penyakit kanser, mengawalinya sahaja boleh, menghapuskannya tidak. Kalaulah kita takut kepada kanser hari ini penagih tidak takut kepada dadah. Kebencian yang kita lahirkan, kita juga pandang jijik, tetapi apakah kesatnya ini amat menyedihkan. Kerajaan kita, Menteri—menteri, pucuk pimpinan kita semua sedang berusaha bersungguh—sungguh dengan apa cara sekalipun untuk mengurangkannya, tidaklah saya hendak kata menghapuskannya, inilah yang amat menyedihkan sekali. Kita juga tidak dapat nafikan, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin tadi, ada lawyer-lawyer menjadi jaguh, menjadi jaguh cuba membela pengedar, juga membela penagih apakala mereka ditangkap.

Alhamdulillah, kurang sedikit salah seorang jaguh itu dalam penahanan sekarang cukup popular, masyhur. Seorang jaguh selalunya cuba membela pengedar. Ini juga satu masalah yang kita sedang menghadapi. Kalau kita memandang jijik, mengapa yang lawyer ini sanggup menerima hendak membelanya, human rights, tidak, ini bukan tempatnya kita hendak gunakan falsafah human rights. Ini membinasakan manusia dan mereka yang cuba membela itu memang mengharapkan Malaysia ini hancur-lebur, biarlah muda-mudinya menjadi orang kata bangkai tidak bernyawa. Ini barangkali hasrat mereka.

Mungkin ada baiknya dengan pindaan yang kita buat ini supaya kita dengan cara tidak langsung memberi amaran kepada peguam-peguam yang cuba membela pengedar-pengedar. Boleh jadi dia terancam juga nafkahnya tetapi kalaulah mereka ini sayang kepada negara, tidak mahu negara ini hancur mereka boleh mengeneipikan. Saya sokong betul sepenuh-penuhnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Ainon tadi, hari ini mereka sudah lagak macam geng samseng, sudah pandai boo, memboo wartawan, jangan kata itu kita pun dia boo, kalau kita lihat di mana sahaja ada perjumpaan dan sebagainya. Percakapan ter-lalu angkuh loyar-loyar ini pada hari ini, di coffee house, di club di mana sahaja. Pedih telinga kita mendengarnya.

Jadi kalaulah sikap loyar-loyar ini pada satu ketika dahulu kita menghormatinya, hari ini sudah sampai masanya kita sudah membencinya dengan perangai, telatah dan akhlak yang buruk itu. Ini juga harus kita buat kajian secara mendalam. Apakah yang menyebab-

kan mereka ini selalu gemhira, terlalu seronok, terlalu puas hati dengan begitu ramai belia-belia kita sudah menjadi mangsa dadah.

Hatta ada yang sanggup membelanya, pembayaran itu dibayar kemudian pun ada. Saya ada satu, dua kes di Pulau Pinang di mana mereka sanggup membelanya oleh kerana dia marah kepada orang yang menuduhnya, yang menangkapnya oleh kerana fahaman politik, ideologinya berlainan. Inilah yang kita berasa kesal amat sekali.

Saya selain daripada cara undang-undang yang kita menahan mereka, kadangkala kita fikir cara tindakan mujarab nanti kata orang kita biadap, kalau kita introduce atau memperkenalkan cara-cara kasar ataupun cara—cara yang berkesan yang boleh bawa kepada tuduhan kata kita zalim. Saya masih ingat lagi masa pemerintahan Jepun. Jepun telahpun mengajar kita tiga tahun lamanya, dia telah memberi—tahu kita, dia mengajar kita yang berkesan ajarannya, secara keke-
rasan barulah boleh mengawal ketenteraman.

Saya tidak fikir kita hendak ke situ kerana zaman telah berubah, kita tidak mahu orang gelarkan kita ini zalim seperti Jepun, tetapi saya tidak tahulah kalau sekiranya ada undang-undang lagi yang hendak dipinda supaya kita juga boleh buat sesuatu, mencontohi apa yang telah dibuat oleh askar Jepun itu, sayalah orang pertama headak menyokongnya [**Tepuk**].

Itulah berasa sedih kita. Serba salah jadinya. Pemuda-pemuda kita dari keturunan baik-baik menjadi mangsa.....

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu sambung lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

4.15 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya bercakap berkenaan dengan menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan), terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana telahpun dilantik dan disetujui oleh Majlis pada petang kelmarin, semoga Allah akan kurniakan taufik dan hidayah kepada Dato'.

Saya bangun bersama-sama dengan saudara-saudari Yang Berhormat untuk memberi pandangan sedikit sebanyak tentang Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya memberi sebab-sebab terlebih dahulu saya mengalu-alukan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, termasuklah Timbalannya saudara Dato' Megat Junid yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini iaitu satu Kementerian yang telahpun bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. Tuhan yang menciptakan alam ini dan telahpun menunaikan amanah untuk menjaga dan memelihara agama, bangsa dan negara yaog mana telahpun sama-sama kita saksi dan kita membahis di dalam masa yang akhir-akhir ini pindaan demi pindaan beberapa undang-undang yang mana semuanya undang-undang ini adalah menyelamatkan rakyat jelatanya daripada rosak di dunia dan di akhirat kedua-dua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, kita sebagai Ahli Dewan yang telah diamanahkan oleh rakyat melalui Kerajaan yang telah melantik kita sebagai orang penggubal undang—undang, yang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, berasa bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana kita telahpun menunaikan tanggungjawab ini dengan sepenuh-penuh dan seikhlas-ikhlas hati demi memperhambakan diri ke hadrat Allah s.w.t.

Walaupun semua orang marah, walaupun semua orang tentang, walaupun ada ugutan berbagai-bagai ugutan. Umpamanya, kita katakan—lah Rang Undang-undang Dadah yang telahpun kita lulus selama ini sehingga sampai kita gantung sampai mati. Ini adalah satu perkara yang amat dibenci oleh pihak pengedar dan kuncu-kuncunya dan mereka kalau boleh mereka mahu membunuh Menteri-menteri dan penyokong-penyokongnya. Tetapi kita tidak hirau, kita tidak takut, kita tidak gentar sebab kita yakin kita pihak yang benar. Kita berjuang, kita bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara, tidak apa kita mati - tidak apa. Kita tidak takut kepada mati. Mati tidak ada masalah, tetap tiap-tiap seorang mati apabila sampai ajal. Ini telahpun diberitahu oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran yang ertinya:

Apabila sampai masa mereka itu, tidak dilewat walaupun sesecond dan tidak didahulu walaupun sesecond. Ini kita tidak takut dalam masalah kita perjuang dan dalam masalah kita menggubal. Cuma-nya yang kita mahu perkara yang kita buat ini adalah memberi munafaat dan mengikut lunas-lunas peri kemanusiaan yang dikehendaki oleh Islam.

Di akhir-akhir ini, saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah salah seorang daripada orang tua yang telahpun dipilih oleh pihak Kerajaan untuk duduk dalam Dewan. Kalau kira dengan tua saya ini tidak patutlah saya ini dipilih, dengan umur pun sudah tua, sekarang sudah umur subsidi [**Ketawa**] Saya duduk dalam umur subsidi, 63 tahun dan sudah lebih daripada 63 tahun. Ertinya saya ini duduk dalam masa subsidi. Tetapi dipilih oleh Kerajaan. Maka Alhamdulillah, saya menerima selagi saya dikurniakan oleh Allah s.w.t. tenaga, akal fikiran, insya Allah, saya akan terus membantu untuk demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Tetapi di akhir-akhir ini, saya sebagai orang tua, kali yang kedua saya mengulangi, saya amat dukacita sekali. Kalau ditilik kepada lahiriah, kenapakah perkara yang tidak difikirkan oleh kita berlaku? Perkara-perkara yang timbul yang pelek, yang ganjil, yang semuanya boleh menjadi gempar dunia sekarang ini adalah puncanya timbul daripada orang-orang yang cerdik. Saya tidak mahu sebut nama, semua kita tahu. Semua daripada golongan sebelah atasan.

Adakah mereka tidak berfikir Malaysia ini hak siapa? Adakah semua penduduk kita Malaysia, terutama orang-orang Melayu ada lagi negara selain daripada daripada Malaysia? Cuba kita fikir, terutama kita orang Melayu. Begitu juga orang-orang bangsa lain yang telah menjadi warganegara Malaysia ini adakah selain daripada Malaysia ini negaranya yang akan mereka duduk sehingga sampai ke dalam bumi.

Adakah selain daripada ini? Kalau sudah tidak ada, kenapa mereka berkira perkara yang remeh-temeh, mereka tidak dapat bersatu-padu, tidak dapat berunding, tidak dapat kira, tidak dapat bertolak ansur. Kenapa setengah mereka bangkit, kenapa begini, orang ini berkata kenapa begini.

Cuba kita tengok masa bulan November sebelum daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menahan 100 orang lebih melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri dahulu, macam-macam timbul. Orang ini kata begini, orang Cina kata begini, orang Melayu kata begini, orang India kata begini, macam-macam. Adakah bumi selain daripada Malaysia di antara kita ini? Kenapa tidak memahami hakikat ini dan tidak amal. Kalau inilah bumi kita, kita mesti menumpukan pemikiran kita demi kepentingan bumi Malaysia dan penduduk-penduduk yang ada dalam bumi ini, bagaimana keadaan penduduk supaya selamat hidup dunia dan akhirat, bagaimana kekayaan, bagaimana kemudahan, bagaimana kemakmuran dan bagaimana kesenangan. Ketepikan kepentingan diri, ketepikanlah kepentingan bangsa. Kita sudah semua menjadi warganegara ini walaupun bangsa lain tetapi satu.

Kita sudah isytihar negara Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya majmuk. Kita kena faham majmuk. Ertinya ramai bangsa tetapi duduk di bawah satu payung, di bawah satu Yang di-Pertuan Agong, di bawah satu Raja, di bawah satu Perdana Menteri, di bawah satu Perlembagaan Negara dan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang tua, saya merayu kepada bijak pandai dan kepada seluruh masyarakat Malaysia fikir perkara ini sebelum terlewat. Kalau kita hancur, jawabnya kita akan menerima nasib, orang pelarian Vietnam seperti di Pulau Bidung, berpuh-puluh ribu ada. Berapa ratus ribu sudah kita halau ke negara yang ketiga? Kita mahu begitu nasib kita? Kita mesti soal perkara

itu. Adakah kita mahu nasib kita sebagaimana nasib orang Vietnam itu? Dengan sebab inilah sedaya-upayanya Kerajaan kita telahpun mengadakan beberapa undang-undang, beberapa Kementerian demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah dadah, kalaulah kita kaji, kita fikir, kita melihat dan kita tatap kepada undang-undang yang telah lepas, barangkali kalau mengikut adat kata padan sudah kalau hendak berhenti. Kalau kira, mudah sudah padan, kalau manusia jangan mengedar, sebab kalau mengedar dapat sahaja hukumnya bunuh, gantung sampai mati, kalau tidak, jel sampai mati. Tetapi fasal apa ada lagi. Undang-undang kita buat tidak boleh hendak memikir selain daripada mati, tidak adalah. Hidup manusia lebih daripada mati tidak adalah. Hidup lawannya mati. Sakit itu hak bawah pada mati. Mati tidak takut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lain barangkali mengikut pandangan saya, ada kekurangan dalam masalah pengetahuan agama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dapat saya membuat sedikit pengumuman. Nanti Yang Berhormat boleh menyambung ucapan.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 63, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato Tan Peng Khoon untuk membantu bagi menguruskan mesyuarat Dewan yang mulia ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato Tan Peng Koon bangun dan mengambil tempat **[Tepuk]**

(Dato Tan Peng Koon **menguruskan Mesyuarat**)

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di atas Rang Undang-undang ini disambung semula. Di persilakan Tuan Haji.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya sebab-sebab yang pengedar dan penagih dadah ini tidak boleh berhenti barangkali mereka kurang faham dalam masalah keagamaan. Sebab mengikut peraturan, dalam segi agama, tiap-tiap seorang yang beriman, kita kena faham makna iman ini ialah satu cahaya-noor, satu cahaya yang diletakkan oleh Allah s.w.t. di dalam hati seseorang yang melalui ilmu pengetahuan dan amalan dia dapat menyuluh yang baik, dia nampak baik dan perkara yang tidak baik, dia nampak tidak baik.

Sudah menjadi tabiat manusia, manusia ini ada dua mata, satu dia panggil mata zahir. Mata kita yang ada ini digunakan untuk melihat perkara yang zahir sahaja. Ini bahagian mata zahirnya, dia lihat ini putih, ini hitam, ini cemar, ini cuci, ini comel, ini hodoh. Yang keduanya, mata hati. Mata hati inilah yang memikir, yang melihat perkara ini molek dan perkara ini hodoh, kemudian tidak semesti seseorang itu dia celik, dia nampak mata zahir dan mata hati dia nampak juga. Tidak begitu. Ada kalanya mata luarnya dia nampak tetapi mata hatinya tidak nampak.

Dengan sebab tidak nampak mata hati inilah dia sanggup buat perkara yang berat walaupun di atas dirinya. Dia tidak terima, sehingga sampai Kerajaan kita telahpun menggelarnya najis dadah. Pasal apa kita istilah najis dadah? Semoga semua umat manusia ini jijik, sebab manusia ini perkara najis, dia jijik, dia tak dekat, hendak makan pun macam tahi ayam, dia kata. Tahi ayam usahkan

hendak makan di lidah, kita dengar perkataan itu, kita berasa jijik. Pada halnya tahi ayam dengan dadah ini, bahaya dadah lagi, lebih busuk, lebih najis, lebih mudarat daripada tahi ayam. Tetapi manusia oleh kerana dia buta mata hati, dengan sebab itulah dia tidak nampak bahawasanya dadah ini perkara yang mudarat kepada dia, perkara yang kotor, Tetapi dia berasa perkara ini sebagai satu perkara ubat kepada dia.

Untuk menyelesaikan kusut ataupun susah ataupun serabut fikirannya, dia makan ini untuk dia berehat, dia tidak sedar bahawa perkara yang hendak menghilangkan busuk ini tidak ada jalan lain melainkan memikirkan perkara ini adalah hak takdir daripada yang menjadikan alam ini. Ini sahaja ubat, tiada ubat yang lebih baik. Ubat jiwa seseorang supaya dia tenang, supaya dapat dia menempuh segala-gala, dapat mempertahankan, dapat sabar, tiada lain iaitulah dia ingat segala perkara ini adalah ditentukan oleh pencipta alam iaitulah bagi orang Islam dia kata Allah s.w.t. pencipta alam. Tidak akan berlaku suatu perkara kalau tidak ditentukan oleh Allah s.w.t.

Kemudian kita manusia hari ini tidak dapat hendak tolak, perkara yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Jadi ini sahaja. Cumanya kita manusia yang mengikut peraturan, kalau kita menerima nikmat kita mesti bersyukur kepada Allah, bersyukur kepada pemberi nikmat yang diberi kepada kita. Ini tanggungjaab kita sebagai hamba. Kalau kita terkena bala kita kena sabar, dia kena redha dengan bala itu, sebab ini adalah perkara hakikat bala inipun pada zahir sahaja balanya, hakikatnya tidak bala, percubaan. Bandingannya samalah dengan murid kena pukul oleh guru, ataupun anak kecil yang dipukul oleh kedua ibubapa. Sama sahaja balanya. Pada zahirnya bala kepada anak murid apabila waktu dia dirotan.

Saya baca dalam surat khabar hari ini atau kelmarin, sampai enak atau bapa pergi dakwa kerana katanya anaknya kena pukul. Sebenarnya itu bukan bala, tetapi pengajaran. Ini pengajaran guru kerana hendak mendisiplinkan supaya murid ini akan mejadi seorang murid yang berguna di akhir kelak. Ini adalah bala yang dicuba oleh Allah kepada kita, sama dengan nikmat juga pada hakikatnya. Sebab itu wajib kita sebagai hamba, kita kena sabar. Kalau kita terkena dosa, buat benda salah, kita kembali kepada Allah s.w.t. merayu dan memohon taubat. Ini tugas sebagai hamba.

Kalau kita membuat perkara baik, kita mesti ingat itu adalah taufik dan hidayah daripada Allah s.w.t. Ini adalah ubat untuk hendak menenangkan pemikiran kita. Sebab kita sudah saksi bahawasanya kita manusia ini tidak dapat mempertahankan kita. Ini walaupun siapa manusia pun tidak ada orang yang boleh mengakui kita boleh mempertahankan kita. Dalilnya semua manusia tidak mahu accident, tetapi accident. Bertanding, semua manusia mahu menang tetapi kalah. Ini alamat kita tidak boleh mempertahankan kita. Apabila kita tidak boleh mempertahankan kita, apatah lagi kita hendak tolong orang lain. Mustahil boleh tolong orang lain. Pada hakikat tidak boleh. Kita mesti fikir cara ini barulah keadaan kita, inilah satu ubat untuk hendak menghilangkan serabut kesusahan yang ada pada kita, bukan dadah.

Saya mengesyorkan kepada pihak berkenaan terutama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri cubalah memikir dan mengkaji, bermuafakat dengan rakan sejawat iaitu Menteri Pendidikan, cubalah kita pakat menambahkan lagi mata pelajaran dan penerangan agama kepada muda mudi dan anak-anak kita yang sedang dalam pelajaran. Insya Allah, kalaulah kita sama-sama membuat perkara

ini, memberi pelajaran dengan seterang-terangnya kepada anak-anak kita yang ada di bangku sekolah, insya Allah jenerasi kita, anak-anak kita akan datang akan menjadi warganegara yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Saya rasa itulah sahaja pandangan saya berkenaan dengan perkara ini. Akhirnya saya memberi sokongan berkenaan dengan Undang-undang Pindaan Pencegahan Khas Dadah Berbahaya ini. Sekian, terima kasih.

4.39 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong kepada pindaan Akta yang ada di hadapan kita pada hari ini iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya hendak mengambil bahagian bercakap sedikit sahaja oleh kerana telah banyak yang disentuh oleh rakan-rakan saya tadi iaitu kalau kita bandingkan, Akta ini telah dipinda pada tahun 1985. Baru tiga tahun sahaja, kita tambah lagi pindaan dan bagaimana yang kita tahu hukuman-hukuman di dalam Rang Undang-undang yang ada itu telah-pun begitu ketat. Tetapi oleh kerana memandangkan beredarnya masa, maka ada lagi yang kekurangan, maka dipinda lagi pada hari ini.

Saya sangat rasa sukahati dengan pindaan-pindaan ini kerana memperkuatkan lagi undang-undang itu dan jika sekiranya kurang kuat lagi, pada persidangan akan datang kalau ada kita pinda lagi. Untuk hendak membanteras dadah ini saya lihat kalau hukum gantung sampai mati, jel seumur hidup, rampas harta tidak juga berkesan dan ada lagi jalan-jalan yang dicari untuk melepaskan diri. Apa yang saya kehendaki iaitu setelah kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini, sesudah disempurnakan maka hendaklah dijalankan undang-undang ini dengan segera. Selepas daripada kita menjalankan dikuatkuasakan perjalanan undang-undang ini maka di satu pihak yang berkuasa hendaklah menggempur sebagaimana pada hari ini kita tengok akan menangkap penagih-penagih dadah, iaitu penagih yang di dalam Bandar Kuala Lumpur ini akan ditangkap beberapa ribu, tetapi kita mahu pengedar-pengedar. Pengedar-pengedar ini kita cuba gempur pula.

Baru-baru ini di Pulau Pinang di satu taman yang indah telah dapat dalam rumah yang indah itu memproses dadah, jadi saya tidak jangka rumah yang sebuah itu sahaja, kemungkinan rumah-rumah yang indah, yang mewah yang ditakuti orang masuk kerana anjing banyak, mungkin di dalam ini juga banyak yang telah memproses, Maka itulah sebabnya walaupun penangkapan yang dibuat oleh pihak Kerajaan kita, penyeludupan penangkapan tidak berhenti tetapi masih terdapat dengan senang, terutama di bandar-bandar besar. Jadi kita kuatkan undang-undang dahulu, selepas itu kita gempur daripada kecil sampai yang besar, daripada rumah buruk sampai kepada rumah yang indah, insya Allah kita akan dapat meredakan sedikit keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat penagih-penagih dadah ini memang kita amat kasihani mereka kerana kalau sudah sekali terkena dia takkan dapat walaupun kita tangkap, kita simpan dia, kita pulihkan dia, dia tak habis masa itu sahaja, habis semasa dalam tahanan sahaja, keluar akan menagih semula. Rumah saya sangat berdekatan dengan penjara ini, maka saya melihatlah anak-anak muda ini 2-3 bulan dia ditahan dia lepas keluar, lepas itu dia masuk balik, masuk balik datang lagi, sudah penuh sesak dalam penjara itu. Jadi yang banyak terkena ini ialah anak-anak muda harapan kita pada masa akan datang. Yang pengedar ini rumah yang besar-besar, rumah yang indah-indah di dalamnya memproses dan pengedar; yang kena anak-anak muda yang kita kata ikan bilis, ini yang menyedihkan hati. Ibu bapa dia adalah sangat menderita apabila anaknya telah terlibat dengan dadah dan bukan itu sahaja kepada pemuda-pemuda, ibu bapa pada masa sekarang sangat takut anak-anak yang di dalam sekolah kerana bukan sahaja pemuda-perauda tetapi sudah bermula ke sekolah-sekolah, anak-anak yang di sekolah-sekolah. Ini juga yang amat menyedihkan kita. Jadi, kalau kita tidak memperkukuhkan undang-undang ini, jika kita tidak jalankannya dengan segera, maka "layar-layar buruk" ini akan mengambil kesempatan lagi, saya tidak mahu kata loyar; loyar-loyar betul, tetapi kalau yang banyak gelembung yang bukan-bukan, layar-lah. Orang Pulau Pinang kata "layar buruk"; yang ada ini banyak layar buruk, sebab itulah dia boleh 'boo' seakan budak-budak 'boo' pemberita kita. Kita yang tidak pandai ataupun tidak berkelulusan semacam mereka yang kita hormat pada hari ini kita tidak pernah 'boo' kepada pemberita. Kalau tak betul kita tegur macam itu dengan ikhlas hati, kita tidak buat macam budak-budak nakal. Ini seolah-

olah macam kanak-kanak yang nakal apabila tengok muzik-muzik yang rancak itu yang dia tak puas hati dia buat perangai macam itu. Jadi saya rasa sangat malu kerana orang-orang yang paling kita hormati pada hari ini sudah jadi sedemikian dan sebabnya pun kita hendak ubah undang-undang ini, tambah lagi kerana bijaksana mereka ini, sesudah ditangkap, sesudah dihukum ada pula lagi mengatakan tidak sah kalau tidak tepat pada hari kalau ditangkap di sini, hendak ubah di sini, masanya sudah lebih boleh lepas. Ini semua pembohong, hendak cari lepas tengkok.

Begitu juga pada satu masa dahulu 6 kesalahan; satu kesalahan yang telah lulus, 5 itu dia hendak lepas sendiri, macam itu jugalah hendak buat macam ini. Jadi, siapa yang berkuasa di atas ini? Dewan yang mulia ini boleh meluluskan untuk menegakkan undang-undang, maka kita akan buat sekuat-kuatnya untuk menentang perkara-perkara yang tidak memuaskan hati itu kerana merosakkan rakyat, merosakkan fikiran orang dan bagi berkeliru pandangan.

Jadi, saya rasa saya tidak mahu bercakap panjang yang telah saya katakan tadi. Apa yang saya hendakkan Yang Berhormat Dato, setelah kita kuatkan kuatkuasa ini, kita cuba pula gelidah rumah-rumah yang mewah, tempat-tempat yang tertentu kerana bukan tak dapat tahu, dapat tahu tetapi belum sampai masanya. Di Pulau Pinang satu taman yang indah itu, megah sungguhlah nama 'Island Glade' berapa perkara jenayah yang berlaku di sana, perompak duduk di sana, pengedar dadah duduk di sana, memproses dadah di sana, maka cuba pula ke negeri-negeri lain mungkin ada perkara-perkara itu berlaku.

Dengan ini, saya dengan sepenuh hati menyokong Rang Undang-undang atau Akta yang dipinda pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoon: Sekiranya tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, maka saya menjemput Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberi jawapannya.

4.49 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu 4 orang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas pindaan Undang-undang ini. Atas pandangan, teguran dan juga kririk-kritik dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu semuanya akan diambil perhatian oleh Kementerian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ialah Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah dan yang terakhir sekali ialah Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah Mohd. Akim. Kepada Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah menyokong dan telah menganalisa bagaimana perlunya pindaan ini dibuat supaya pengedar-pengedar tidak terlepas begitu sahaja, hanya semata-mata kerana kesilapan teknikal.

Pada Yang Berhormat Tuan Hamid Araby juga saya memang setuju bahawa kita boleh mengawal dan membendung kemaraan najis dadah tetapi untuk menghapuskannya adalah satu perkara yang sukar. Namun begitu usaha mesti dilakukan, tindakan mesti dijalankan dan pengorbanan semua rakyat harus digembelingkan kerana kita tahu bagaimana dahsyatnya landaan dadah ini terhadap anak muda-mudi kita sehingga kalau kita lihat tadi Yang Berhormat sendiri tidak dapat meneruskan ucapan beliau kerana beliau merasakan bagaimana seksa dan pahitnya apabila seseorang itu telah dilanda oleh dadah dan saya ingat titisan airmata Yang Berhormat itu telah dapat mempamerkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagaimana dahsyatnya landaan dadah itu terhadap masyarakat kita .

Yang sebenarnya sungguhpun pindaan ini kalau kita lihat ada pihak mengatakan bahawa pengedar ini tidak berpeluang lagi untuk membela diri sendiri. Yang sebenarnya pihak peguam masih berpeluang untuk membawa dan membela pengedar-pengedar dadah ini tetapi tidak sangkutpaut dengan masalah-masalah teknikal seperti mana dalam Fasal 2 dan Fasal 3 dalam pindaan Akta ini. Saya fikir undang-undang kita sudah cukup tegas. Tidak payalah kita ikut macam mana Jepun berlagak selama 3 tahun, 8 bulan, 8 minggu dan 8 hari dulu memerintah negara kita. Namun begitu,, kita kan melaksanakan undang-undang ini dengan seadil-adil dan saksamanya.

Pada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah, saya sungguh terharu dengan huraian Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor, begitu beratnya tanggungjawab kita dalam menunaikan, dalam menentukan kesejahteraan dan keamanan rakyat jelata dan tanggung-

jawab ini mesti dipikul dengan seadil-adilnya untuk kepentingan rakyat dan negara yang tercinta ini. Apa yang saya harapkan seruan serta rintihan Yang Berhormat Tuan Haji Senator itu dapat juga diresapi oleh seluruh rakyat agar negara ini benar-benar akan menjadi sebuah negara yang rukun damai dan dianggap sebagai syurga di dunia ini. Saya juga bersetuju tentang saranan Yang Berhormat bahawa pengedar-pengedar ini memang kurang dari segi keagamaan dan iman mereka terlalu longgar. Itulah sebabnya pihak Kementerian Dalam Negeri juga badan-badan sukarela seperti PEMADAM akan memberi kursus-kursus khas kepada seluruh imam dan juga alim ulamak dan juga pemimpin-pemimpin agama lain agar mereka dapat meresapi bagaimana deritanya seorang pengedar dadah, dapat benar-benar mengetahui tentang seluk beluk penderitaan seorang ibubapa, keluarga apabila ada ahli keluarga mereka menghadapi masalah dadah.

Dengan adanya kursus-kursus dan seminar-seminar di kalangan tok-tok imam dan ahli ulamak diharapkan alim-alim ulamak dan juga tok-tok imam dapat menolong untuk menyedarkan masyarakat tentang bahayanya dadah ini. Saya sungguh terharu juga Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah juga menyarankan bahawa najis dadah itu adalah lebih bahaya daripada najis tahi ayam. Ini tentu-lah satu daripada ungkapan yang boleh dipergunakan oleh kita semua dalam kita menerangkan kepada muda-mudi kita. Tentang Yang Berhormat memohon supaya Kementerian Pendidikan mengadakan pelajaran khas tentang anti dadah ini pihak Kementerian Pendidikan telahpun bersetuju untuk menambahkan pelajaran anti dadah di sekolah-sekolah.

Yang terakhirnya ialah Yang Berhormat Hajjah Salbiah menyarankan bahawa apabila undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini, ia haruslah dilaksanakan dengan segera dan seadil-adilnya. Adalah ini telah kita lakukan selama ini apabila sahaja undang-undang ini diluluskan oleh kedua-dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, maka pihak Kementerian dan pihak yang berkenaan akan melaksanakan dengan segera dan seadil-adilnya dan apabila kita lihat ada ruang-ruang yang menyebabkan penjenayah-penjenayah ini dapat lulus keluar daripada undang-undang itu, secepat mungkin pula kita bawa balik ke Dewan ini untuk dipinda agar undang-undang itu menjadi kemaskini sehingga tidak dapat lagi penjenayah-penjenayah ini melepaskan diri.

Tentang penangkapan pengedar-pengedar dadah kerana pada hari ini apa Yang Berhormat dengar bahawa kita hanya menangkap penagih-penagih, bagi kita penagih-penagih ini adalah merupakan orang-orang yang sakit dan kita kena lihat sakit raereka sudah tenat ataupun belum. Maka apabila sudah benar-benar tenat maka terpaksa kita ubat dengan segera. Itu sebabnya kita terpaksa menyelamatkan anak-anak muda kita yang sedang sakit tenat itu dan apabila ada sahaja kosongan di pusat-pusat rawatan dan pemulihan secepat mungkin. Kita terpaksa meletakkan mereka di pusat-pusat tersebut.

Tentang pengedar-pengedar, bukanlah satu perkara yang senang, ia terpaksa diintip, diperhati sepertimana Yang Berhormat katakan tadi di Island Glade, pihak polis terpaksa mengintip, memerhati berbulan-bulan dan memastikan benar-benar bahawa berlaku sesuatu yang harus diambil tindakan yang segera. Maka barulah serbuan kita buat, tidak guna kita mengadakan serbuan saban malam, saban hari tetapi kejayaannya tidak ada. Dengan sebab itu kita terpaksa mengambil masa yang lama mengintip, memerhati dan memastikan bahawa

tempat-tempat itu benar-benar menjadi satu tempat pengedaran dadah yang besar dan barulah serbuan-serbuan kita buat dan ini akan kita jalankan setiap masa tanpa mengenal bulu, tanpa mengenal kawasan walau ia ditaman yang indah ataupun di pondok buruk yang teruk di kawasan-kawasan setinggan.

Masalah penagih masuk keluar penjara sepertimana kata Yang Berhormat tadi, memang saya akui. Itulah sebabnya pihak Kementerian telahpun berusaha agar semua penagih-penagih yang ditangkap tidak lagi dihantar ke penjara kerana kalau kita hantar ke penjara kemungkinan besar bahawa pemulihan dan rawatan yang ada di penjara itu tidak mencukupi untuk menukar seorang penagih menjadi manusia biasa. Itu sebabnya apabila mereka masuk penjara balik menagih semula. Jadi, Kementerian Dalam Negeri telahpun berusaha agar semua penagih-penagih ini kalau sekiranya tidak ada rekod bahawa mereka itu pengedar hanya penagih maka kita akan hantar mereka ke pusat-pusat pemulihan dan rawatan agar penyakit mereka itu dapat kita ubati dan selepas itu kita adakan pula apa yang dikatakan pemulihan lanjutan dan kita selalu monitor, dengan izin, akan perkembangan-perkembangan yang berlaku terhadap penagih-penagih ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas dari perbahasan ini ialah kesedaran dari semua pihak ke atas usaha-usaha yang dijalankan untuk membebaskan generasi muda-mudi kita dari dilanda dadah yang menjadi mangsa perbuatan yang tidak bertanggungjawab pengedar-pengedar dadah. Adalah diharapkan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan terus menjadi perangsang kepada pihak kita untuk terus bertindak dan melaksanakannya dengan seadil-adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian memandangkan kesuntukan masa semua pertanyaan-pertanyaan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat saya jawab dengan tepatnya. Mana-mana soalan yang tidak sempat saya jelaskan itu saya akan mengambil perhatian dan ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato Tan Peng Khoon **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KETENTERAMAN AWAM
DAN MENCEGAH JENAYAH)(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.02 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian jenayah yang berlaku di negara ini telah menunjukkan satu peningkatan dari setahun ke setahun. Kejadian jenayah yang berlaku pada tahun 1980 ialah 70,823 berbanding dengan 85,248 dalam tahun 1987, iaitu peningkatan sebanyak 20%. Jika dianalisa tahun demi tahun, angkanya terus meningkat dari tahun 1980 hingga tahun 1986. Walau bagaimanapun, indeks jenayah ini telah turun 10% dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986. Namun demikian, angka ini masih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Indeks jenayah dibahagikan kepada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Termasuk dalam jenayah kekerasan ialah jenayah bunuh, cuba bunuh, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api, rogol dan dengan sengaja mencederakan manusia. Manakala bagi jenayah harta benda pula termasuk di dalamnya ialah jenayah-jenayah pecah rumah dan curi siang hari, pecah rumah dan curi malam hari, curi motovan dan lori, curi motokar, curi motosikal, curi basikal dan lain-lain kecurian. Kejadian jenayah kekerasan keseluruhannya

juga menunjukkan satu trend yang meningkat dalam tahun-tahun tersebut. Indeks jenayah kekerasan ialah 7,481 dalam tahun 1980 berbanding dengan 11,721 dalam tahun 1987, iaitu pertambahan sebanyak 50%. Peningkatan ini adalah satu aliran yang membimbangkan. Purata kejadian setahun bagi jenayah samun berkawan bersenjata api dari tahun 1985 hingga 1987 ialah 60 kejadian dan samun bersenjata api pula ialah 940 kejadian setahun. Bagi jenayah bunuh pula 327 kejadian dilaporkan dalam tahun 1985, 326 bagi tahun 1986 dan 382 dalam tahun 1987. Manakala cuba bunuh, puratanya bagi tahun 1985 hingga 1987 ialah 60 kejadian setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 80% daripada kejadian jenayah kekerasan di seluruh negara berlaku di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Perak. Negeri-negeri ini yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan juga di negeri inilah terletaknya aktiviti ekonomi yang pesat. Kementerian Dalam Negeri amat memandang berat kejadian-kejadian jenayah kekerasan di tempat-tempat ini dan langkah-langkah sewajarnya perlulah diambil untuk membanterasnya. Jika tidak ketenteraman awam akan tergugat dan sedikit sebanyak boleh mengganggu kedatangan pelabur asing dan pelancong ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada undang-undang yang dikenakan sejak tahun 1969 untuk membanteras kegiatan penjenayah-penjenayah kekerasan dan juga aktiviti kongsi gelap ialah dengan menggunakan Ordinan Darurat (Ketenteramaan Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Undang-undang ini digubal dalam tahun 1969 yang bertujuan untuk menstabilkan keselamatan dan ketenteraman awam dan membolehkan perintah-perintah tahanan dan sekatan dikenakan ke atas penjenayah-penjenayah.

Keengganan saksi-saksi memberi keterangan di Mahkamah adalah antara punca-punca yang menyebabkan seseorang itu tidak boleh didakwa. Selain daripada itu terdapat sindiket-sindiket penyeludupan senjata api, perompak, perancang jenayah, coleh yang sukar dihadapkan ke Mahkamah, kerana mereka berselindung diri. Adalah agak mudah mendakwa sekiranya seseorang itu ditangkap ketika memegang senjata api di tangannya, tetapi sukar kepada orang yang merancang penyeludupan senjata api. Bagi penjenayah seumpama ini tidak ada pilihan bagi Kerajaan melainkan mengenakan tindakan undang-undang pencegahan terhadap mereka. Aktiviti kegiatan kongsi gelap masih lagi ketara. Mereka menjalankan kegiatan-kegiatan memeras ugut dan juga melakukan kekerasan kerana ingin berkuasa. Keadaan ini sesungguhnya jika tidak terus dibendung secara habis-habisan, akan membimbangkan rakyat yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 yang ada sekarang ini hanya membolehkan Kerajaan menahan atau menyekat seseorang itu bagi tempoh masa 2 tahun sahaja. Selepas itu orang-orang itu bebas seperti sedia kala. Kebanyakan penjenayah ini menyedari bahawa risiko perbuatan mereka ialah tahanan 2 tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak, selepas itu mereka dibebaskan dan tidak lagi diambil apa-apa tindakan lagi. Kelemahan undang-undang ini telah menyebabkan penjenayah-penejenayah ini tidak insaf atas jenayah yang mereka lakukan, akibatnya mereka kurang berkerjasama dengan pihak-pihak penjara semasa mereka dalam tahanan. Mereka kurang mengambil kesempatan ke atas program-program pemulihan yang dijalankan. Mereka tidak merasa takut kerana mereka tahu bila mereka akan dibebaskan.

Kajian yang dibuat juga menunjukkan bahawa beberapa orang daripada penjenayah-penjenayah ini telah masuk semula ke Pusat-pusat Pemulihan Akhlak bagi kali kedua dan seterusnya. Selain daripada itu tidak kurang juga bilangan mereka yang telah disabit dan telah dihukum di Mahkamah di bawah berbagai undang-undang. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa mereka itu tidak insaf kerana undang-undang pencegahan yang ada sekarang ini terhad dan terbatas. Atas kesedaran dan melihat kepada kelemahan-kelemahan yang terdapat kepada undang-undang ini, maka Kerajaan mencadangkan supaya undang-undang ini dipinda. Kuasa hendaklah diberi kepada pihak Kerajaan untuk menahan lebih lama penjenayah-penjenayah yang degil dan merbahaya ini. Tahanan atas sekatan 2 tahun yang ada dalam undang-undang sekarang ini bukanlah merupakan satu tindakan 'deterrent' yang mencukupi.

Mereka harus ditahan lebih lama supaya usaha-usaha pemulihan akan lebih berkesan dan sehingga mereka akan lebih insaf ke atas perbuatan jenayah yang mereka lakukan. Cadangan ini dibuat supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-pertua, sungguhpun dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ini memberi kuasa kepada Kerajaan untuk melanjutkan tahanan atau sekatan seseorang, tetapi suka saya menjelaskan di sini bahawa kuasa ini tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya, tetapi akan dikuatkuasakan dengan penuh tanggungjawab. Peruntukan-peruntukan mengenai perlanjutan tahanan dan sekatan serta penggantungan perintah ini adalah seperti dalam Fasal 6 kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan utama tersebut, beberapa pindaan lain juga dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini. Antaranya ialah peruntukan bahawa satu perintah tahanan tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atau tidak berkuatkuasa sekiranya seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan dari tempat yang dinyatakan dalam perintah tahanan, misalnya dalam lokap polis sebelum dibawa ke pusat tahanan yang ditetapkan. Pindaan ini dikemukakan atas alasan untuk memudahkan pihak Jabatan Polis dan Jabatan Penjara menyempurnakan perintah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Tan Peng Khoo: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.12 ptg.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas segala usaha-usaha Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri untuk menjaga, menahan orang-orang yang jahat ini seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi. Yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah di dalam kita menggubal undang-undang seperti ini ada pihak-pihak yang sentiasa memberi kerjasama dengan orang-orang jahat seumpama ini, khususnya apabila dihadapkan ke mahkamah, perkara-perkara yang kecil, yang teknikal terpaksa kita perundangan supaya ianya berjalan mengikut apa yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti tempat tahanan ada kalanya di dalam surat tahanan itu disebutkan supaya seseorang penjenayah itu ditahan di satu tempat dan di satu tarikh yang ditetapkan tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, mungkin terlewat sehari dua atau sebagainya, maka pihak mahkamah biasanya dapat melepaskan orang-orang yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seumpama ini amat menyedihkan kita dan kita berharap bahawa Kerajaan tidak akan bertolak-ansur tentang perkara seumpama ini dan kita berharap supaya pihak mahkamah haruslah memikirkan perkara ini daripada segi kepentingan negara, daripada segi kepentingan rakyat jelata di negara kita ini kerana kita tahu penjenayah-penjenayah ini adalah orang yang amat merbahaya sekali jika dia berada di luar oleh kerana kejahatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya supaya kuasa menahan penjenayah seumpama ini bukan sahaja 2 tahun tetapi ditambah lebih lama lagi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberikan pengakuan kepada kita di dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini bahawa kuasa yang ada pada Kerajaan itu tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya. Ini telah dibuktikan oleh Kerajaan beberapa lama yang lalu bahawa Kerajaan sentiasa mengingati perpaduan rakyat, sentiasa mengingati bahawa kebebasan rakyat itu adalah penting. Tetapi di dalam Kerajaan menjaga kebebasan rakyat itu maka rakyat jelata haruslah sedar bahawa Kerajaan juga ada tanggungjawabnya kepada orang ramai.

Saya hairan bagaimana senjatapi-senjatapi ini dapat juga diseludup ke dalam negara kita ini. Sungguhpun pihak Kerajaan tadi telah memberitahu kepada kita bahawa segala usaha-usaha sentiasa dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menjaga supaya senjatapi ini tidak dapat ke tangan penjenayah-penjenayah seumpama ini tetapi masih ada kita dengar bahawa senjatapi ini dapat diseludup ke negara kita ini. Bagaimanakah ini berlaku dan kenapakah ini berlaku? Maka soalan seumpama ini mestilah dijawab oleh Kerajaan dengan tegasnya, dengan terangnya kepada kita. Kerajaan terpaksa menjalankan

segala pemeriksaan di jalan-jalan masuk ke negara kita ini dengan sepenuhnya, dengan lebih teliti lagi supaya perkara penyeludupan senjata-senjata ini supaya jika tidak dapat dicegah sama sekali, ianya darat dikurangkan.

Kita hairan kenapa mereka ini apabila ditahan, penjenayah-penjenayah ini tidak bekerjasama dengan Pegawai-pegawai Penjara apabila usaha-usaha pemulihan hendak dilakukan terhadap mereka. Saya agak mereka ini haruslah dijaga dengan lebih tegas lagi, diberi beberapa kesusahan apabila mereka ada di dalam tahanan. Kemungkinan, Tuan Yang di-Pertua, di dalam tahanan mereka ini mendapat kehidupan yang agak mewah, cukup makan, selesa tempat tidur dan sebagainya. Kalau boleh saya agak jika mereka ini berada di Pulau Jerejak, mereka ini haruslah disiksa dengan secara seberapa teruk sekali supaya di dalam masa 2 tahun itu mereka akan dapat insaf dan apabila keluar selepas 2 tahun atau lebih daripada itu, mereka dapat hidup seperti rakyat biasa dan adil di negara kita ini.

Kadangkala saya perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka ini di dalam tahanan, pihak Kerajaan memberi peluang kepada keluarga mereka untuk melawat mereka sebulan sekali ataupun dua bulan sekali. Saya agak ini harus ditahan langsung supaya kebanyakan penjenayah-penjenayah ini seperti kita ketahui adalah orang yang ada suami, ada isteri, ada ibu bapa mereka tetapi jika kita tahan mereka daripada berjumpa dengan sanak-saudara mereka, kemungkinan besar bahawa mereka akan insaf dengan lebih cepat lagi. Jika ada isteri mereka menziarahi mereka sebulan sekali, maka perasaan hati itu ada pada mereka. Itulah sebab sifat keinsafan itu tidak didapati.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang penting yang juga disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah keengganan orang ramai menjadi saksi apabila sesuatu jenayah itu berlaku. Ini juga menyedihkan kita. Kemungkinan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa orang ramai enggan menjadi saksi di mahkamah apabila sesuatu jenayah berlaku adalah kerana sifat pihak mahkamah yang selalu meng'postpone'-kan satu-satu kes itu, Ada perkara terjadi bahawa satu kes jenayah yang agak kecil tetapi saksi ini terpaksa hadir di mahkamah dalam masa 5 tahun, datang pada satu perbicaraan, konon cerita orang yang dituduh itu sakit, di'postpone' balik. Kali yang kedua pula peguamnya tidak dapat hadir dan kali yang ketiga pula pihak pendakwa sakit dan sebagainya sehinggakan mengambil masa selama 5 tahun, walhal saksi ini terpaksa datang jauh daripada tempatnya ke mahkamah dan terpaksa membelanjakan dahulu wang yang banyak. Sungguhpun diberi balik oleh mahkamah tetapi membayar balik itu mengambil masa yang agak lama oleh mahkamah dan terpaksa mengeluarkan wangnya sendiri. Saksi ini juga adalah penjaja kecil, kalau satu hari dia tidak berniaga, dia terpaksa rugi \$50 dan untuk pergi ke mahkamah dia terpaksa menggunakan masa selama 2 hari.

Inilah salah satu sebabnya kenapa orang enggan hendak menjadi saksi di dalam satu-satu kes, dan saya agak inilah juga yang berlaku pada baru-baru ini apabila satu-satu kes mungkin juga hendak membuat rayuan dan sebagainya. Apabila sesuatu kes itu pergi ke Mahkamah Tinggi, membuat rayuan ke Mahkamah Agung mengambil masa setahun hingga dua tahun.

Baru-baru ini kita sedar bahawa ada 20 kes yang hendak dibicarakan oleh Mahkamah Agung di Kota Bharu terpaksa ditangguhkan dengan sebab hakim yang patut mendengar kes-kes tersebut tidak mahu mendengar kerana kononnya hendak mendengar satu kes lain untuk kepentingan kawan mereka yang sudah kita tahu bahawa kawan mereka itu juga adalah bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seumpama ini sepatutnya tidak berlaku kepada orang-orang bijak pandai di dalam negara kita ini. Kenapakah ini boleh berlaku? Dan kita berharap penyiasatan, melalui Tribunal yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan itu akan dapat mengkajinya dan dapat mencari bukti bahawa hakim-hakim seumpama ini adalah benar tidak mahu bekerja mengikut peraturan-peraturan. Mereka menganggap bahawa mereka menjadi boss dan tidak ada boss yang lain. Kita harus sedar di dalam kehidupan kita hari-hari, pada hari ini apa sahaja kerja yang kita buat, kita mempunyai boss kita. Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini sungguhpun dilantik oleh Kerajaan masing-masing, Kerajaan Negeri ataupun oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi ianya juga ada bossnya. Kalau daripada parti politik terpaksa berjumpa dengan ahli-ahli mereka di bahagian-bahagian masing-masing di peringkat masing-masing, demikian juga saya agak Yang Berhormat Dato' Timbalan

Menteri, dia juga terpaksa menjawab soalan-soalan di dalam Dewan ini dan bossnya adalah Menterinya. Perdana Menteri juga ada bossnya iaitu rakyat jelata seramai 15 juta dalam negara ini adalah bossnya. Maka itulah sepatutnya siapa sahaja di dalam negara ini mestilah ingat bahawa apa kerja sahaja yang kita buat ada tuan kita, yang terpaksa kita ikuti cakap mereka, terpaksa dengar perintah-perintah yang dikeluarkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Dato' Tan Peng Khoo: Ada siapa lagi?

5.24 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian sedikit sebanyak dalam membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang ini, pindaan ini sangatlah dialu-alukan dan sesungguhnya kita merasakan ini satu lagi perkara yang akan mengembirakan rakyat dan juga dapat memelihara dengan baik dari segi ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili Menteri Dalam Negeri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menjelaskan kenapa undang-undang ini perlu dipinda dan perlu dikemaskinikan. Di antara yang beliau telah menyebut mengenai peningkatan jenayah hingga sampai ke tahap 20% walaupun ada penurunannya, tetapi index-index jenayah, yang berbentuk jenayah kekerasan dan juga jenayah harta benda masih berleluasa, Sungguhpun perkara ini diakui dan terpampang hebat di hadapan masyarakat

terutamanya yang duduk di bandar-bandar besar khasnya Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya dalam kes-kes jenayah kekerasan yang merangkumi membunuh, merogol, merompak dengan kekerasan hingga sampai membunuh, memeras ugut, "4M" ini rasanya amatlah menyedihkan rakyat jelata dan menimbulkan rasa ketakutan.

Tuan Yang di-Pertua, ketakutan yang saya maksudkan kadangkala walaupun dapat ditangkap penjenayah-penjenayah yang ganas dan liar ini tetapi hukuman yang diberikan kepada mereka kadang-kadang tidak setimpal. Ada setengahnya mereka ini kalau membuat kegiatan gangster dihantar ke Pulau Jerejak dua tahun, bila balik mengganas lagi dan kadangkala mereka lebih megah dan lebih dapat berleluasa menjalankan kerja-kerja ganasnya menjadi ketua gangster di satu-satu kawasan, memeras ugut pekedai-pekedai kecil atau peniaga-peniaga kecil.

Untuk pengetahuan Timbalan Menteri ini berlaku lagi berleluasa kalau dikaji dengan teliti di kawasan Kampung Bharu, Chow Kit Road, Petaling Street, di Pekan Setapak, Air Panas dan juga di kawasan-kawasan lain peniaga-peniaga yang ramai, masih ada berlaku lagi cerita kongsi gelap, melindungi menaungi dan memeras ugut peniaga-peniaga kecil, juga peniaga-peniaga pertengahan. Tidak juga dinafikan mereka yang mencari makan di dalam lapangan hiburan, umpamanya penyanyi kelab malam atau pekerja sebagai social guide yang halal atau kepada mereka yang mencari makan dengan cara membuat pertunjukan-pertunjukan pentas, mereka juga pernah diancam oleh gangster-gangster ini. Ada bapanya masing-masing menaungi mereka, menjaga mereka dengan memeras, bukan sahaja wang, tetapi kehormatan

pihak yang berkenaan, kalau mereka itu terdiri dari wanita. Selain daripada mengambil potongan daripada pendapatan, maka yang perempuan, gadis atau wanita ini malangnya terpaksa juga memberikan bayaran dari segi maruahnyanya atau kehormatannya. Saya tidak mahu menyebut cara yang lebih mendalam kerana ini tidak sesuai di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian rogol urapamanya kita dapat baca dan dengar bahawa kanak-kanak umur 4-8 tahun dirogol dan kemudian dibunuh. Rogol ini ada dua jenis, perogolan, pertama kekerasan yang membawa akibat kematian. Kedua, paksaan. Yang membawa kepada kematian biasanya mangsa itu setelah dirogol dengan sepuas-puasnya oleh mereka yang boleh digelar syaitan, kemudian membunuhnya walaupun wanita atau gadis yang dirogol itu di bawah umur. Perogolan secara paksa biasanya dilakukan dengan cara paksa. Bapa tiri rogol anak tiri dan kedengaran juga bapa rogol anak "nauzubillah" dan juga majikan rogol orang gajian pun berlaku juga atau majikan merogol salah seorang atau dua tiga orang dari pegawai-pegawai atau staffnya berlaku di swasta. Paksaan ialah dengan memberikan pendapat yang lumayan dan membuat beberapa ugutan. Kalau ini dihebahkan ini akan berlaku dan kalau ini akan dibuat ia akan dcederakan atau lain-lain menyebabkan mereka terikat terus dan kemudiannya merana. Ini juga saya rasa boleh dinaungi oleh undang-undang ini.

Dalam masalah jenayah kekerasan ini saya rasa ada juga 2-3 peringkat, yang menjadi perogol-perogol terhormat inipun patut juga dimasukkan di dalam kumpulan penjenayah kerana mereka menggunakan pengaruh wang ringgit, tekanan untuk merogol.

Tuan Yang di-Pertua, meriyentuh mengenai saksi, saya ingin juga memberikan pendapat, sebenarnya di negara kita ini perkara saksi ini menjadi masalah besar dalam hendak menyelesaikan kes-kes. Selain daripada yang disebutkan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh saksi kalau dia jadi saksi sebagaimana yang diterangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Azumu sebentar tadi, satu lagi perkara yang mungkin kita kurang sedar iaitu saksi-saksi ini kalau menjadi saksi diugut dan sentiasa diekori oleh pihak yang tertuduh. Kalau mereka itu perompak besar, penjenayah besar, mereka punya orang-orang, mereka punya kumpulan-kumpulan yang akan mengugut saksi-saksi ini dan saksi ini biasanya kurang mendapat perlindungan dari pihak polis kerana mustahil polis boleh mengekori saksi ini sampai ke bilik air atau mereka hendak pergi ke taman bunga. Banyak kejadian saksi dibunuh sebelum perbicaraan dilakukan.

Jadi, rasanya ini juga perlu diambil perhatian berat supaya saksi-saksi juga diberikan perlindungan yang wajar sama ada dari segi keselamatannya dan juga membantu dari segi pendapatannya,

Negeri-negeri yang maju saksi-saksi ini kalau perlu dipelihara disimpan dan disembunyikan dan diberi tanggungjawab ia kepada keluarganya oleh pihak Kerajaan atau oleh pihak yang memerlukan saksi-saksi berkenaan tetapi di negara kita belum sampai peringkat itu saksi-saksi terdedah. Nyatalah dalam banyak hal kalau hal pembunuhan, suka benar kita hendak mendapatkan saksi-saksi walaupun ada saksi dalam kejadian yang dilaporkan itu yang telah dikaji siasat.

Tuan Yang di-Pertua, yang menarik perhatian saya dari segi undang-undang ini, ialah mengenai Fasal 3 iaitu di mana di sini menyebutkan selepas seksyen 4B, seksyen baru 4C yang memperuntukkan bahawa tiada perintah tahanan yang boleh menjadi tak sah atau tidak berkuatkuasa oleh sebab orang yang terhadapnya sesuatu perintah tahanan itu dibuat telah ditahan di tempat-tempat tertentu selain daripada tempat yang diarahkan oleh Menteri di seksyen 4(2), kerana terdapat dua, tiga kejadian pihak tertuduh walaupun di bawah ISA boleh juga membawa kesnya ke mahkamah disebabkan kelalaian, kelonggaran undang-undang kita diperintahkan ditangkap pada sekian haribulan, di tempat sekian, jam sekian, terlewat sedikit maka itu dijadikan sebagai satu hujah yang sekarang ini kita tahu umpamanya kes-kes pihak Pembangkang yang kita telah tahan di bawah ISA yang nyata sekali perbuatannya adalah telah mengkhianati negara, mengadu domba rakyat, menimbulkan huru hara dan anti kepada Kerajaan, anti kepada kedamaian dan ketenteraman. Pusing kepala Kerajaan kita dibuatnya kerana kelonggaran yang berkenaan mungkin. Demikian juga beberapa kes-kes lain yang apabila diulang bicara kaji punya kaji dalam kita punya undang-undang, lawyer-lawyer yang kata kawan saya tadi, lawyer buruk dapat juga mencelah-celah lalu terlepas pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin sentuh ialah mengenai banduan-banduan lepasan-lepasan daripada maktab-maktab tahanan kita. Biasanya mereka ini akan dikembalikan ke kawasannya atau kadang kala diletakkan di kawasan-kawasan lain. Malangnya bagi

kawasan itu bila kembalinya sang banduan-banduan itu ke tempatnya lalu membuka gelanggang baru. Baik benarlah dengan undang-undang ini kalau kesalahannya sudah sabit, jangan ada lagi belas kasihan kepadanya, tahanlah selama yang mungkin, ajarlah dia kalau perlu, dibuat beberapa seksaan-seksaan, rasanya amat wajar mengenang perbuatan-perbuatan yang telah dilakukannya walaupun kita perlu adil tetapi tidaklah sampai keadilan kita kepada mereka-mereka yang telah membuat kerja-kerja yang dahsyat, membuat pembunuhan empat, lima orang tetapi dia hanya dihukum penjara 10 tahun atau 15 tahun kerana kekurangan hujah-hujah atau sabit kesalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan seperti yang telah dijanjikan oleh Timbalan Menteri bahawa undang-undang ini akan digunakan kepada yang berkenaan bagi menentukan keadilan, menjaga ketenteraman, bagi memelihara keyakinan rakyat kepada Kerajaan yang melindungi mereka maka saya rasa perkara itu akan dilaksanakan kerana belum pernah Kerajaan kita memungkiri janji dalam melaksanakan Akta yang telah digubal dan diluluskan kecuali mereka yang sengaja suka memutarbelitkannya dan suka menggunakannya untuk kepentingan peribadi atau golongan atau kumpulan yang berniat jahat terhadap Kerajaan yang menaungi rakyat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang (Pindaan) yang di hadapan kita ini. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

5036 ptg.

Tuan Hg Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan beri sokongan yang penuh.

Sebenarnya saya berpendapat bahawa pindaan pada petang ini adalah satu pindaan yang penting untuk menjamin ketenteraman awam dan mencegah jenayah. Tetapi kalau dengan adanya Akta agar tidak mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak swasta dan orang awam bahawa pihak penguatkuasaan tidak akan menjalankan tugasnya dengan lebih licin.

Maka saya suka meminta pihak Kerajaan iaitu bagi pasukan ketenteraman awam atau pihak polis akan dapat memupukkan semangat kerjasama dengan pihak orang-orang awam. Contohnya pihak polis pun selalu mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk setempat. Ini adalah satu tindakan yang sangat wajar supaya pihak polis dapat maklumat ataupun maklum balas tentang sesuatu kes jenayah dandan untuk lebih berkesan lagi untuk mencegah kes-kes jenayah, kerjasama dan maklum balas daripada penduduk-penduduk setempat adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan disiplin murid-murid sekolah pada masa sekarang yang sangat merosot dan sangat mengecewakan. Bahawa sekarang bukan sahaja murid-murid sekolah terlibat dengan aktiviti kongsi-kongsi gelap juga terlibat dengan perbuatan peras ugut di antara murid, ada juga

terlibat dengan perjudian, penyalahgunaan dadah, maka selain daripada Kementerian Pendidikan yang mengambil tindakan untuk mencegah dan mencegah kes-kes ini, dan juga meningkatkan disiplin murid-murid, saya berpendapat bahawa adalah tugas pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan membuat secara program ataupun rancangan untuk meningkatkan disiplin di dalam kalangan murid-murid dan generasi muda kita, kerana beberapa kes telah berlaku bahawa murid-murid telah menggunakan kongsi-kongai gelap hingga memukul guru-guru mereka. Ini satu tindakan yang kurang baik di dalam kalangan generasi muda kita dan ada sehingga setengah-setengah murid sekolah ini terpaksa berhenti sekolah kerana perbuatan peras ugut di antara murid-murid lain dan diperas ugut oleh bekas-bekas murid sekolah.

Kadang kala murid-murid sekolah ini tidak berani memberi maklumat yang tepat kepada pihak polis kerana mereka tidak dapat perlindungan daripada pihak yang tertentu. Oleh itu kami berharap pihak polis dan pihak-pihak tertentu akan dapat mengambil berat tentang apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-pertua, satu perkara yang suka saya bawa di sini iaitu baru-baru ini saya dapati bahawa ada mesin perjudian yang haram dengan jenis video yang dinamakan sebagai mesin perjudian perlumbaan kuda yang mana saya baru dapati dalam tiga bulan lalu ini telah mula berselerak seperti cendawan tumbuh. Mesin-mesin perjudian ini telah saya jumpai di dalam bandar Kota Melaka yang

mana mesin-mesin perlumbaan jenis video ini diletakkan di kedai-kedai kopi dan di kelab-kelab persatuan-persatuan.

Jadi saya sendiri menyiasat dan didapati bahawa murid-murid sekolah yang berpakaian seragam sekolah bermain mesin video ini yang mana diletakkan dengan 20 sen maka mereka akan dapat memulakan permainan mesin perlumbaan kuda ini sejenis video dan bila kuda nombor itu naik mereka akan dapat bonus. Saya hairan dan khuatir bahawa ini satu perjudian mesin yang baru yang akan meracun generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat dan terkejut kerana mesin ini teletak di kedai-kedai kopi tanpa lesen daripada pihak-pihak berkuasa. Kenapa pihak Polis tidak ambil tindakan? Adakah kerana pihak-pihak yang meletakkan mesin ini telah mendapat perlindungan daripada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah beberapa kali dibawa kepada pihak penguatkuasa termasuk pihak Polis, tetapi nampaknya tidak diambil tindakan. Saya sengaja sebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini dibawa kepada pihak Polis Negeri Melaka tetapi tidak ada tindakan diambil. Kerana saya khawatir ia akan terus meracuni anak-anak dan jenerasi muda kita, maka saya harap pihak yang berkenaan akan ambil tindakan yang lebih tegas tentang mesin perjudian yang haram ini. Baru-baru ini kita dapati ada budak-budak sekolah yang tidak minat lagi pergi ke sekolah kerana adanya mesin perjudian di kedai-kedai kopi dan di kelab-kelab.

Dengan ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Akta bagi meminda Ordinan Darurat pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Dato Tan Peng Khooo: Saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

5.42 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas pindaan undang-undang ini. Saya pasti bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak mengambil bahagian bersetuju benar ke atas pindaan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Atas perkara yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya dari Ipoh iaitu Yang Berhormat Azumu Tak berkenaan dengan senjatapi. Memang benar bahawa ada senjatapi yang telah diseludup. Tetapi kita kena faham bahawa sempadan kita terlalu panjang walau di laut ataupun di darat. Semua pintu-pintu masuk halal adalah dijaga dengan ketat, tetapi mereka menggunakan pintu-pintu masuk haram yang wujud walaupun melalui laut dan darat. Bagaimanapun, pihak berkuasa telah berusaha sedaya-upaya sehingga rampasan senjatapi jumlahnya daripada tahun 1985 hingga 1988 ialah 523, Dalam tahun 1985 kita telah dapat nterampas 134 pucuk senjatapi, 1986 - 141 pucuk, 1987 - 173 pucuk dan sehingga Jun, 1988 sebanyak 75 pucuk. Yang menjadi masalah ialah pembawa senjatapi senang didakwa tetapi tidak kepada perancang yang menyeludup. Itulah sebabnya dikenakan tindakan pencegahan di bawah undang-undang ini .

Bercakap tentang kononnya keadaan penjara kita sangat selesa, pihak kita terpaksa mengikut kehendak minum Bangsa-bangsa Bersatu terhadap orang-orang tahanan termasuklah lawatan daripada pihak keluarga.

Tentang saksi pula, keengganan saksi adalah disebabkan mereka akan dipukul atau dianiaya oleh kumpulan samseng. Sebab itulah saksi tidak berani ke mahkamah tetapi bersedia memberi secara sulit akan butir-butir dan mereka ini yang patut dilindungi oleh pihak-pihak Polis yang akhirnya dapat kita menempatkan mereka ini ke pusat-pusat tahanan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin yang telahpun menyokong penuh atas pindaan Akta ini dan beliau telah bercakap panjang lebar tentang kes-kes rogol . Sebenarnya pihak Polis DiRaja Malaysia mengambil perhatian yang berat di atas kes-kes rogol ini di mana satu Pasukan Khas telahpun ditubuhkan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia untuk memecahkan masalah-masalah kes rogol ini.

Pada Yang Berhormat Ng Peng Hay, memang benarlah bahawa kerjasama antara rakyat dan pihak Polis harus diadakan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Perkara ini akan dijalankan oleh pihak Polis dan diharapkan pihak orang ramai memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada pihak Polis.

Tentang disiplin penuntut-penuntut sekolah, pihak Polis bersedia memberi kerjasama dan perlindungan terhadap mana-mana sekolah yang memerlukan pertolongan pihak Polis. Jikalau ada sekolah-sekolah yang merasakan keadaan disiplinnya terancam, eloklah rujukan perkara ini kepada Pejabat Pendidikan Negeri di mana daripada Pejabat Pendidikan Negeri ini boleh pula dihubungi pihak Polis dan pihak Polis sedia untuk memberi kerjasama.

Mengenai masalah mesim-mesin video yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Melaka itu, mesin-mesin video ini bukanlah di bawah bidangkuasa Polis ataupun Kementerian Dalam Negeri, tetapi adalah dalam bidangkuasa Majlis-majlis Bandaran dan juga Majlis-majlis Tematan. Pihak Polis boleh bertindak dan akan bertindak jika Majlis Bandaran atau Majlis Tempatan memberikan kerjasama daripada pihak Polis.

Tuan Yang di-Petua, saya suka memberi jaminan di Dewan ini, Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini adalah dengan penuh jujur dan keikhlasan dan dengan niat yang baik, Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita hendaklah sentiasa memastikan bahawa keselamatan dan ketenteraman awam serta kegiatan ekonomi tidak diganggu-gugat, Dengan itu rakyat akan terus-menerus hidup dengan aman dan damai .

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga yang tidak mengambil bahagian kerana itu tandanya setuju. Pihak saya

akan mengambil perhatian dan ingatan atas segala teguran dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato Tan Heng Khoon **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin

Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) di hadapan Majlis ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui ,

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) di hadapan Majlis ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita hari ini kita selalu mendengar bermacam-macam kecaman dan celaan mengatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak wajar wujud lagi dan sepatutnya dimansuhkan. Mana-mana pihak pun adalah berhak membuat pertimbangan dan pandangan masing-masing terhadap perkara ini .

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman negara kita telah jelas menunjukkan bahawa penerusan undang-undang ini adalah perlu memandangkan bahawa bukan sahaja ancaman insurgency dan subversive komunis masih wujud walaupun terkawal tetapi jika memandangkan kedudukan negara kita yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan kebudayaan, kestabilan dan keselamatan negara dengan mudah boleh diancam jika isu-isu dan konflik-konflik bercorak perkauman dan sentimen agama dieksploitasikan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang telah banyak menyumbangkan kepada keadaan aman dan stabil yang kita sama-sama nikmati hari ini. Tidaklah dapat dinafikan bahawa dalam suasana ketegangan dan genting yang wujud pada pertengahan tahun 1987 lalu penggunaan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Akta ini telah dapat mengawal dan meredakan suasana serta mengembalikan keyakinan rakyat . Sungguhpun demikian, adalah ditegaskan di sini bahawa penggunaan kuasa-kuasa di bawah undang-undang pencegahan ini tidaklah dilakukan sewenang-wenangnya tetapi hanya digunakan apabila keadaan benar-benar memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan-perangkaan yang ada menunjukkan bahawa Kerajaan sekarang telah mengamalkan sikap leberal. Sejak mengambil alih pucuk pimpinan dalam tahun 1981, Kerajaan telah cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan-kegiatan dan gerak-geri rakyat. Kebanyakan daripada mereka yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak sebelum tahun 1981 telah dibebaskan. Walaupun pada mulanya sejumlah 106 orang telah ditangkap dan ditahan untuk tujuan siasatan dalam bulan Oktober dan November 1987 lalu, jumlah mereka ini yang telah dikenakan perintah tahanan sebenarnya hanyalah 40 orang. Malahan bagi mereka yang telah dikenakan perintah tahanan Kerajaan adalah sentiasa bersedia untuk membebaskan mereka sekiranya dari laporan-laporan yang diterima mereka tidak lagi merupakan ancaman kepada keselamatan negara. Seramai tujuh daripada mereka ini tidak lagi berada dalam tahanan kerana perintah tahanan mereka telah digantungkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Kerajaan terus menjalankan tanggungjawab utamanya dalam mengawal dan memelihara keselamatan dalam negeri, bagi menjamin keamanan dan kestabilan negara adalah tidak wajar sekiranya sesuatu perintah tahanan itu diketepikan semata-mata atas aspek teknikal yang tidak jelas dalam peruntukan undang-undang. Dengan demikian adalah perlu Akta ini dipinda. Secara ringkasnya pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 3 -

Fasal ini mewujudkan seksyen 8A yang baru yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu perintah tahanan itu tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, invalid atau tidak berkuatkuasa, inoperative, dengan izin, sekiranya:

- (1) seseorang itu ditahan di tempat yang berlainan daripada tempat tahanan yang dinyatakan dalam perintah tahanan;
- (2) penyerahan perintah tahanan itu dilakukan di tempat yang berlainan daripada tempat tahanan yang dinyatakan dalam perintah tahanan;
- (3) seseorang itu ditahan di bawah jagaan polis semasa di dalam perjalanan ke tempat tahanan yang dinyatakan dalam perintah tahanan; ataupun
- (4) terdapat sebarang kecacatan di dalam penyerahan perintah tahanan.

Fasal 5 -

Fasal 5 ini hanya terdapat dalam Akta pindaan yang dicadangkan ini:

- (1) Peruntukan ini bertujuan untuk mengesahkan semua penahanan di bawah perintah-perintah tahanan yang telah dikeluarkan dari tarikh Akta berkuatkuasa dan sebarang tindakan wajar yang berkaitan dengannya;
- (2) menghalang apa-apa tindakan undang-undang berhubung dengan penahanan-penahanan yang telah disahkan mengikut Akta pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini dipercayai akan menjadikan peruntukan undang-undang berkenaan lebih jelas atau, dengan izin, clear-cut, serta tidak menimbulkan sebarang keraguan dalam penafsirannya. Dengan demikian Kerajaan akan dapat terus melaksanakan tanggungjawab utamanya dalam memelihara dan mengawal keselamatan dalam negeri untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.58 ptg.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas dan menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sebelum ini saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah di atas perlantikan Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai selaku Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi, Akta Keselamatan Dalam

Negeri adalah suatu Akta yang baik dan berfaedah lebih-lebih lagi bagi negara kita yang sedang membangun dan tahap pemikiran masyarakat yang berbilang kaum dan keturunan ditambah lagi dengan kamasukan pengaruh-pengaruh luar yang tidak terhad dengan adanya sistem komunikasi dan perhubungan yang bebas di antara semua negara di dalam dunia ini .

Tuan Yang di-Pertua, pengaruh kebudayaan dan pendidikan yang berteraskan kaum juga memainkan peranan bagi mengukuhkan lagi Akta ini dilaksanakan di negara ini. Kita tidak menghiraukan kecaman dan pendapat dari negara-negara lain kerana rakyat kita bukan bergantung kepada pentadbiran dan pengaruh kuasa dari negara luar. Rakyat kita adalah hidup di dalam negara ini sesuai dengan keadaan demokrasi berparlimen yang kita amalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil tindakan di bawah Akta ini untuk menyelamatkan negara kita dari berulangnya peristiwa-peristiwa pahit seperti 13 Mei, Memali dan sebagainya. Dengan penangkapan beberapa orang tokoh penghasut dan pengkhianat bangsa, termasuklah pemimpin-pemimpin Pembangkang yang sentiasa mencari jalan untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat dengan menaburkan berbagai-bagai fitnah, maka beruntunglah bagi orang-orang yang mempunyai negara lain tempat ber-naung walaupun kucar-kacir di negara ini berlaku, yang malangnya adalah rakyat yang benar-benar cintakan kepada negara ini seperti Yang Amat Berhormat Dato Seri' Dr Mahathir dan seluruh rakyat yang berjiwa seperti beliau.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini dapat menjamin pelabur-pelabur asing tentang keselamatan harta dan jiwa mereka untuk melabur di negara ini kerana di negara ini tidak mudah dijadikan isu fitnah dan perpecahan yang boleh menakutkan pelabur-pelabur asing datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Akta ini juga boleh memberi jaminan agar rakyat tidak boleh menuduh atau memburukkan mana-mana pihak sehingga menyebabkan kegelisahan dan tidak tenang di kalangan rakyat yang boleh mencetuskan peristiwa kucar-kacir dan huru-hara sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini juga rakyat merasa selesa hidup di dalam negara ini tanpa gangguan dari mana-mana pihak pun.

Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat ini sahajalah pandangan daripada saya dan dengan ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, diluluskan. Terima kasih.

6.04 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan, Yang di-Pertua, memang kena pada tempatnya pindaan ini perlu dibuat melihat keadaan akhir-akhir ini terlalu bijak sangat cerdik pandai golongan loyar ini mentakrifkan beberapa perkara sehingga isu-isu teknikal pun dibesar-besarkan, kerana saya kata boleh jadi ramai daripada golongan ini setianya itu tidak sampai kepada tahap yang boleh kita banggakan hari ini. Bukan mereka tidak tahu Kerajaan ini aman damai oleh kerana wujudnya ISA ini, jika tidak ada ISA, entahlah apa akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya faham Akta Keselamatan Dalam Negeri perlu sangat diadakan bagi menegakkan demokrasi dan bukannya satu ancaman kepada kebebasan dan demokrasi. Ini juga pernah diucapkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Jadi, orang-orang politik ini khususnya daripada DAP, dia membayangkan selalu kepada

orang ramai memberi satu gambaran seolah-olah dunia hendak kiamat oleh kerana Malaysia ini zalim, ISA ini hanya dituju kepada pihaknya sahaja, tetapi dia tak faham kalau tanpa ISA takkan dia begitu bebas boleh bercakap dalam Dewan yang mulia Dewan Rakyat, begitu bebas sekali lantang bahasanya mengungkit yang tak patut diungkit, mencemarkan nama baik Kerajaan dan pemimpin kita kerana negara kita ini aman dan ISA juga memberi keamanan kepadanya, ISA juga memberi peluang begitu banyak bagi dia meluahkan apa yang ada dalam hati perutnya. Inilah yang kita rasa sedih apakala pucuk pimpinan kita cuba membuat sesuatu untuk kepentingan rakyat untuk keamanan negara mulalah timbul macam-macam kecaman, bukan sahaja dalam negeri malahan di luar negeri juga, Memang tepat kena pada tempat juga pindaan ini dibuat. Ada kemungkinan telatah mereka ini berlaku cara lain pula nanti, mungkin Menter-menteri bijaksana akan cuba buat lagi pindaan yang lain untuk menguatkan undang-undang kita ini tidak menjadi bahan ketawa ataupun sesuatu penahanan yang dibuat itu hanya dibebaskan begitu sahaja dengan adanya kelemahan beberapa 'loop-hole', dengan izin, dalam Akta kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini sudah sampai masanya kita perlu mendedahkan niat buruk orang-orang khususnya Parti Pembangkang, khususnya DAP yang menghentam, mencemarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir dan Menteri-menteri, termasuk semua Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator kita, kononnya mereka kata kita ini 'pak turut'¹ membabi-buta, apa sahaja P.M. kata, apa sahaja Akta yang ditubuh mesti kita ikut, tetapi dia tidak sedar dia juga saya kata ikut. Kalau dia tak pada zahirnya dia membangkang, tetapi sebaliknya dalam hati perut dia, dia kata ada baik juga, dia

terpaksa korban untuk kebaikan diri dia, untuk anak, keluarganya yang tinggal dengan aman damai. Begitu juga dia sadar tanpa ISA ini ekonomi kita akan terancam, pemodal luar tidak akan datang menanam modal di sini. Inipun dia faham. Adakalanya dia sendiri mengungkit bertanya mengapa ekonomi kita ini runtuh, mengapa ekonomi kita ini tak boleh pulih, mengapakah duit ringgit kita ini nilainya jatuh. Inilah saya kata orang yang busuk perut ini. Bila dia busuk perut, dia hasad dengki itu melebihi tahap yang patut ada padanya, dia audahpun mengeluarkan cakapan apa sahaja tohmahan-tohmahan, tuduhan yang boleh menyakitkan hati kita.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita biar begitu sahaja seseorang itu yang bertindak secara berani dan dengan cara menimbulkan sesuatu kemarahan, khususnya membangkitkan semangat kemarahan perkauman. Satu contoh ketara sekali apakala berlaku peristiwa 13 Mei. Dalam tragedi itu kita sudah lihat berapa banyak orang yang tidak bersalah terkorban. Dan kita lihat betapa besar peranan V. David ketika itu. Sahaja nyawa dia liat, memang parang yang dituju kepadanya itu orang putih kata, miss the target, tidak kena, sahaja nyawanya liat, Tuhan panjangkan umurnya. Dia inilah salah satu orang yang kita tahu punca segala-galanya juga bersama beberapa rakan-rakannya yang berarak selepas kemenangan mereka itu, kononnya kemenangan luar biasa baginya. Tetapi dia tidak tahu rakyat tidak suka perangai samseng, perangai hodoh yang mereka tunjukkan itu. Ini juga V. David sekarang cuba bawa satu isu yang baru. Huh... entahlah.. !

Kerajaan terlalu bermurah hati, sabar, meneliti sesuatu kes secara mendalam sehingga sanggup memberi peluang kepada mereka ini yang lupa daratan. Dia sudah lupa usul-asalnya. Saya sendiri berkecimpung dengan dia semasa saya dalam Kesatuan Sekerja, dalam Transport Workers' Union. Masa itu dia Setiausaha Kesatuan dan saya menjadi Presiden, saya bergabung dengannya. Saya lihat 20 tahun dahulu, 25 tahun dahulu sifatnya, sifat angkuhnya itu akan membawa banyak mudarat kepada negara, saya masih ingat. Ketika itu tidak ramai orang-orang Melayu berkecimpung dalam bidang Kesatuan Sekerja. Saya berdamping, saya duduk dalam Whitley Council, saya masih ingat lagi beberapa perkara yang saya bentang, saya menentang dengan sehebat-hebatnya. Masa ketika itu kita beri kebebasan yang berlebihan kepadanya untuk hadir ILO Conference, kutuk bukan-bukan.

Banyak peluang kita bagi, dia sudah mua. Apakala Kerajaan sedar banyak yang dibawa ke luar negeri, memburukkan Kerajaan maka ditahan supaya tidak dihantar ke 110. Itupun dia telah menuduh macam-macam. Masih saya ingat MTUC juga cuba hendak menyokongnya supaya dihantar juga dia ke ILO sebagai mewakili pekerja-pekerja. Ini dia V. David. Seorang dajal yang kita lihat pada ketika ini yang akan membawa mudarat lebih banyak daripada kebaikan. Ini yang saya kata orang yang macam ini entahlah fasal apa kita simpan lagi.

Maafilah, ini mungkin tidak mudah bagi Kementerian yang berkenaan hendak melepaskan dia begitu sahaja ataupun hendak berkas dia begitu sahaja. Mungkin saya harap dan saya berdoa. Nantilah balasan yang sejajar dengan perbuatannya itu akan dia terima. Ini doa saya.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri pernah berkata mengikut catitan yang saya buat di sini, jika kerana hanya menahan pihak-pihak yang mengkritik Kerajaan sahaja, sudah tentu Kerajaan terpaksa melipatgandakan bilangan penjara dan pusat tahanan di negara ini. Memang tepat apa yang dikatakannya itu. Itu yang saya kata macam Malaysia, Kerajaan yang begitu baik hati mereka tidak sedar. Kita bukan menahan orang sebarang orang, bukan kita buat sesuatu sehingga kita tidak memikir secara mendalam. Cuba lihat negara kita, tidak usah pergi jauhlah, setakat ASEAN sudahlah. Adakah berlaku hal ini di Singapura, adapun sedikit tidak seberat macam di sini. Sekejap sahaja lenyap, sunyi sepi, tidak ada siapa datang hendak menentang Kerajaan Lee Kuan Yew. Di Filipina tidak siapa berani menjadi kepala. Begitu juga di Thailand. Ini ASEAN, kita tidak usah pergi

jauh ke mana, ASEAN sudahlah. Malaysialah yang satu negara hanya ini yang kita lihat banyak memberi peluang kepada penentang kita, kepada pihak musuh politik kita dan kepada sesiapa sahaja yang cuba menanggung di air keruh. Bukan sahaja itu, di akhir-akhir ini kita lihat memuncak oleh kerana mereka ini juga menentang Kerajaan, Bar Council pula seolah-olah menjadi parti Pembangkang, Patut sangat MB Perlis suruh mereka berdaftar sebagai satu parti politik. Kalau dia gentleman, anak lelaki, minta maaf, dengan izin, baiklah dia daftar sahajalah, bukan semua lawyer akan masuk persatuan itu. Hari ini kita sudah nampak, ada juga peguam yang mengerti baik buruk dalam ertikata yang sebenar menentang mereka. Hari ini dia cuba pula hendak tunjuk mereka ini pun boleh main politik. Banyaklah perkara sedang berlaku dan patut sangat di mana sahaja ada loophole, kita tutup seberapa dapat yang boleh dan dengan adanya pindaan ini, insya Allah, dapatlah pihak yang tertentu menjalankan kewajibannya dengan senang tanpa diganggu gugat daripada sesiapa.

Saya berdoa agar Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang berkenaan diberi semangat, diberi kekuatan untuk membuat ataupun menjalankan tugas mereka agar kita rakyat di Malaysia ini boleh hidup aman dan damai .

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Sekian , terima kasih.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama berbahas suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya .

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir negara kita, Kerajaan kita dipilih oleh rakyat jelata, tempohnya 5 tahun sekali ada pilihan-raya. Jadi bermakna Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan rakyat untuk rakyat. Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara meminda akta, undang-undang tetapi tiap-tiap kali dipinda banyak ada leap hole, dengan izin, jadi bila ada leap hole, loophole, minta maaf, ini ada orang cuba cari peluang hendak menggunakan loophole. Bila ada loophole atau lubang kecil **[Ketawa]**, kita tahu ular-ular atau tikus macam mana boleh masuk. Selepas masuk tidak boleh keluar. Jadi, Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional di pilih oleh rakyat jelata adalah bijaksana. Selalu kalau ada perkara ini berlaku kita mesti meminda undang-undang atau akta-akta untuk rakyat.

Keselamatan negara adalah sangat-sangat penting. Kepentingan diri tidak mustahak, kalau negara kita tidak ada, saya fikir rakyat pun tidak ada. Kita semua mesti ingat, kita ada satu kewajipan untuk bertanggungjawab dengan anak cucu kita. Kita tidak hendak tengok anak cucu kita di masa akan datang tidak dapat satu tempat yang selamat. Jadi ada segolongan orang yang nampaknya hendak naik, cuba hendak jatuhkan Kerajaan buat bermacam-macam. Kalau mereka hendak buat perkara seperti ini, mereka boleh letak jawatan dan bertanding dalam pilihanraya sebagai calon, itulah baru demokrasi. Kalau rakyat suka pilih mereka, mereka bolehlah memerintah negara kita. Kerajaan kita diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak beberapa tahun. Memang seorang pemimpin untuk mengetuai sesuatu negara bukan senang.

Jadi kalau segolongan orang hendak cari pasal, macam mana pun boleh cari. Seperti keluarga kita sendiri, ada beberapa orang anak lelaki atau perempuan, pun tidak selamat juga. Selalu ada cerita 'bapa tidak patut', 'bapa tidak sayang saya', 'bapa sayang anak itu', pun berlaku juga. Takkan sesuatu negara yang begitu luas, begitu demokrasi, boleh semua golongan berpuas hati. Tetapi kalau bilangan yang terbanyak sekali sokong kepada Kerajaan, golongan yang kecil patut patuhi kepada kehendak-kehendak orang ramai. Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat jelata, tidak kira bangsa, agama atau lain-lain. Kalau tidak ada bertanggungjawab, saya fikir pada tahun yang lalu iaitu pada 1hb November, kalau perkara itu sudah terjadi, macam mana. Kalau negara sudah terjadi seperti Mei 13 dan ada huru-bara di negara kita, saya fikir siapa pun tidak selamat.

Kita tahu kalau negara kita ada sedikit perkara berlaku, semua orang sudah kelam kabut. Di kedai-kedai, barang-barang sudah naik, orang berkejar hendak beli barang, hendak simpan beras. Ini satu isu yang amat sensitif. Jadi, satu Kerajaan yang penuh bertanggungjawab, mesti hendak mengatasi perkara-perkara yang rumit seperti ini. Kita tidak boleh terima seorang Ahli Dewan Rakyat, seorang Ahli Yang Berhormat seperti Dr. V. David buat begini - pergi ke luar negeri cakap lain, balik ke negeri kita, cakap lain. Kalauseorang Ahli Yang Berhormat tidak taat setia kepada negara kita, kepada Yang di-Pertuan Agong kita, patutlah ia tinggalkan negara ini dan boleh duduk di negara lain. [Tepuk] Kita setuju beliau duduk di lain negara, Kerajaan kita pun boleh setuju. Jangan sampai masa itu di mana kerakyatan dimansuhkan oleh Kerajaan, masa itu baharulah kesal, "Baru saya fikir, saya sudah salah, kata Kerajaan tidak patut," Jadi saya nasihatkan beliau ini cepat sedikit letak jawatan dan keluar dari negeri ini. Biarlah negara ini lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, siapa yang hendak main politik, senang sahaja. Untuk main politik orang boleh gunakan banyak cara, hendak jatuhkan pemimpin negara kita pun ada banyak cara. Sebelum saya masuk Dewan yang mulia ini, saya pun ada dengar daripada orang ramai, kata awak jadi seorang Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan Negara, pergi Dewan itu jadi patung. Sebelum saya masuk ke sini, saya pun tidak tahu, tetapi apabila saya sudah ada di Dewan ini, saya baharu faham, Di Dewan ini bukanlah Ahli-ahli Yang Berhormat jadi patuag. Semua orang boleh bercakap, boleh berbahas, kerana apa? Kerana kepentingan negara, kepentingan rakyat. Jadi di sini Kerajaan lantik kita, kita duduk di sini, kita tidak boleh jadi

patung. Oleh kerana kepentingan rakyat dan negara, kita patut berucap, kita ada mata dan ada telinga untuk mendengar, kita tahu untuk differentiate, dengan izin, mana yang betul, mana yang tidak betul.

Sebagai satu pertubuhan yang tinggi sekali, Majlis Peguam memanglah ada pengalaman yang tinggi, ada ikhtiar yang lebih baik daripada orang biasa. Sepatutnya Mahkamah ialah satu tempat yang dihormati, dan bila sampai di sana, suka tidak suka, orang tidak boleh "hu,hu,hu". Itu sudah jadi cara samseng. Tadi perkara yang berlaku di negara kita ini sangat-sangat didukacitakan. Kalau seorang yang tidak ada pelajaran tinggi ataupun pelajaran tidak buat begitu. Seorang yang ada pelajaran tinggi, ada ilmu tinggi, buat seperti itu bukannya memalukan negara kita? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti yang berlaku di negara kita, kita rasa sangat-sangat kesal dan dukacita.

Rang Undang-undang ini dipinda kena pada tempatnya. Kerajaan kita bijaksana, apabila Rang Undang-undang ini dipinda, saya fikir kalau mereka hendak buat apa-apa, mereka mesti fikir dua kali, terutama sekali parti Pembangkang. Kalau mereka bangkang untuk perkara yang betul, bangkang untuk kepentingan negara dan rakyat jelata, Kerajaan yang berkuasa pun boleh terima juga. Kerajaan kita cukup demokrasi, parti pembangkang pun ada satu party whip dan Kerajaanpun bayar lebih gaji kepada beliau. Ada satu pejabat khas untuk beliau, ada satu kerani untuk beliau, tetapi seseorang yang sudah cukup senang dia hendak lebih senang. Mula-mula jalan kaki, mahu naik basikal, naik basikal tidak cukup, hendak naik kereta, kapalterbang, pun tidak cukup, hendak cuba jadi seperti burung boleh terbang, takkan boleh.

Jadi, tiap-tiap benda bila kita hendak timbulkan mesti fikir dahulu. Sebuah Kerajaan di seluruh negara, di seluruh dunia pun sama juga. Kerajaan Perikatan hinggalah Kerajaan Barisan Nasional sudah lama, boleh jadi ada orang-orang yang cuba hendak naik tidak ada peluang, susah hati dan cuba hendak berontak Kerajaan. Jadi saya di sini nasihatkan mereka, pada pilihanraya akan datang minta mereka masuk sebagai calon - cuba, kalau rakyat sokong mereka, mereka bolehlah jadi Kerajaan. Kalau tidak, mereka tunggu macam tunggu durian - durian ada satu hari dia mesti gugur, jangan susah.

Di sini saya mengambil peluang menyokong penuh suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoo: Sila.

6.31ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia kita semua mahu duduk dalam keadaan aman dan baik. Tiada sesiapa pun hendak ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, sesiapa pun mahu duduk di dalam keadaan seronok dengan keluarga dan saudara-maranya. Orang-orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mesti sedar bahawa beberapa kali pemimpin-pemimpin negara kita telah menyeru mereka bahawa kita hendak dirikan sebuah negara yang aman di mana kita boleh duduk dengan mewahnya. Tetapi ahli-ahli politik

yang tidak bertanggungjawab tidak langsung mahu mendengar seruan-seruan ini. Sebab itulah keadaan ini sampai hari ini telah berlaku beberapa orang terpaksa ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kita benar-benar mahu menjaga keselamatan negara kita. Oleh sebab itulah Kerajaan bukan mahu menahan seseorang itu dengan sesuka hatinya atau dengan kehendak seseorang.

Saya dahulu sebagai seorang pegawai Kerajaan, semasa pilihanraya kecil di Raub, ahli-ahli politik yang berkempen di situ telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan. Kenyataan-kenyataan itu sebenarnya untuk menghasut antara kaum Cina dan kaum Melayu, antara kaum Cina dengan kaum India. Saya sendiri pun hairan apa sebabnya Kerajaan tidak menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini. Sekiranya Timbalan Menteri dapat dengar rakaman-rakaman pada masa pilihanraya kecil, tentulah tahu macam mana mereka katakan yang saya tidak mahu cakap dalam Dewan yang mulia ini. Sampai untuk mahu menang dalam satu pilihanraya kecil mereka boleh keluaran perkataan-perkataan yang berbau hasutan yang melanggar undang-undang kita. Oleh sebab itu mereka yang ditahan ini mereka sendiri sudah tahu bahawa mereka telah buat kerja-kerja untuk mengancam keselamatan negara ini.

Oleh sebab itu undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi cuma memperketatkan Rang Undang-undang yang ada sekarang. Kita sedia maklum apabila ada loop-hole, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mereka pergi ke mahkamah. Pegawai-pegawai kita terpaksa pergi ke mahkamah untuk berhujah di dalam mahkamah. Mereka cari sekiranya Setiausaha Bahagian Kementerian Dalam Negeri namanya 'Muhamad' - ejaannya "M-u-h-a-m-a-d" yang sebenarnya tetapi mungkin kerani itu tersilap, dia menaip ejaan "M-o-h-a-m-e-d", itupun mereka

hendak bawa ke mahkamah katakan ini sudah salah, Oleh sebab itu Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ini perlu dipinda, kerana kita tidak perlu membuang masa di dalam mahkamah-mahkamah dan apabila mereka keluar secara teknikal, Kerajaan terpaksa menahan lagi dan masukkan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Ini cuma membuang masa.

Kita sebagai rakyat Malaysia apabila kita buat sesuatu kenyataan, kita perlulah berawas-awas. Saudara Yang Berhormat V, David membuat satu petition kepada Persatuan AFL-CIO meminta pentadbiran negaranya membatalkan Kemudahan Skim Keutamaan Am (GSP) yang dinikmati oleh Malaysia, Ini menunjukkan Yang Berhormat V. David ini sebagai seorang pemimpin Kesatuan MTUC yang telahpun berusia 55 tahun lebih, beliau mesti sedar bahawa negara ini ialah untuk semua orang. Negara Malaysia bukan hak satu kaum sahaja. Sebagai pemimpin MTUC, sebagai pemimpin parti politik, sebagai pemimpin apa jua badan pun, mesti ada kesetiaan kepada Raja dan Negara. Bukan kita minta setia kepada pemimpin, kita setia kepada Raja dan Negara. Sekiranya mereka tidak setia kepada Raja dan Negara, lebih baik mereka keluar dari negara ini, cari negara yang mereka boleh duduk dengan mewahnya.

Seperti Ahli Yang Berhormat baru katakan, di luar negeri mereka kata lain, di dalam negeri mereka kata lain. Keadaan macam ini kalau Kerajaan hendak ambil tindakan, Akta ini perlu dipinda supaya kita tidak membuang masa dalam mahkamah. Seperti undang-undang manapun sekiranya perlu dan sampai masanya untuk dipinda, kita pinda sahajalah untuk kelicinan pentadbiran Kerajaan. Kita perlu meminda mana-mana Akta yang difikirkan ada loop-hole, dengan izin.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga ketenteraman dan keamanan negara, saya dengan penuh yakin menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Sekian, terima kasih.

Dato' Tan Heng Khoon: Jemput Yang Berhormat.

6.40 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya menyampaikan sedikit pandangan dan terus menyokong Akta bagi meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi tahun 1960 pada petang ini.

Sebelum saya teruskan ucapan saya, saya suka mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri pada petang ini adalah tepat. Kalau menurut apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi bahawa Kerajaan telah menggunakan Akta ini pada tahun 1987 bulan Oktober dan November dengan menahan seramai 106 orang bagi menenangkan dan mententeramkan keadaan pada masa itu. Bahawa baru-baru ini ramai yang ditahan selepas disiasat telah dilepaskan dan ada setengah-setengahnya yang telah dilepaskan telah diberi dengan syarat-syarat yang tertentu.

Kami berpendapat ada setengah yang telah dilepaskan selepas disiasat dan syarat-syarat yang diketatkan, yang ditentukan harus diberi pertimbangan dan kajian dari masa ke semasa. Contohnya ada dua orang pemimpin iaitu seorang yang bernama Encik Sim Mok Yu sebagai bekas Pengerusi Gabungan Guru-guru Sekolah-sekolah Cina di Malaysia dan seorang lagi yang bernama Encik Lim Kong Seng sebagai

bekas Pengerusi Gabungan Lembaga Pengurusan Sekolah Cina di Malaysia, telahpun dilepaskan apabila ditahan pada tahun 1987 bulan November dan kalau kedua-dua orang ini yang saya sebut ini bukan ahli politik yang tidak merupakan ancaman lagi kepada keselamatan negara kita, haruslah pihak yang berkenaan memberi kajian semula tentang syarat-syarat yang ditentukan atau diketatkan kepada mereka. Satu di antara syarat-syarat yang telah diketatkan yang ditentukan kepada mereka ialah tidak boleh keluar daripada tempat duduk dan daerah-daerah yang berkenaan.

Yang kedua, tidak boleh keluar daripada rumah apabila pada waktu 10.00 malam sehingga pukul 6.00 pagi. Kami berpendapat bahawa kedua-dua pemimpin ini adalah pemimpin masyarakat Thionghua dan telahpun uzur umur mereka. Dan mereka pun kurang sihat selama inidan selepas ditahan sehingga hari ini ia menghadapi tekanan jiwa. Oleh itu haruslah pihak Kementerian Dalam Negeri membuat kajian daripada masa ke semasa kalau sekiranya kedua-dua pemimpin ini tidak lagi merupakan ancaman kepada keselamatan negara kita, patutlah diberi kelonggaran dalam syarat-syarat yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang bertindak menggunakan ISA ataupun Akta Keselamatan Dalam Negeri yang saya sebut tadi untuk menenangkan keadaan pada tahun yang lepas iaitu bulan November untuk mencegah suatu conflict perkauman yang hampir-hampir berlaku. Ini adalah penting kerana kalau negara kita stabil bahawa lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing akan melaburkan wang mereka dalam negara kita. Tetapi apabila tindakan Kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri kebanyakan wartawan dan kenyataan akhbar di negara-negara asing telah membuat laporan yang negatif sehingga ada setengah-setengah

negara di dalam ASEAN ini telah melaporkan bahawa tindakan Kerajaan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1987 adalah sebagai satu tindakan anti kaum Thionghua.

Baru-baru ini bila saya melawat ke Taiwan ada lagi setengah-setengah wartawan yang menyuarakan berkenaan dengan tindakan ISA yang dilakukan oleh Kerajaan sehingga ada satu suratkhbar yang saya baca di mana kekhuatiran seorang pelabur ke negara Malaysia kerana ada dasar anti kaum Thionghua.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan kita perlu memberi penjelasan yang lebih jelas di negara-negara asing kerana laporan ataupun kenyataan yang negatif ini akan mengancam ataupun mensabotaj usaha-usaha Kerajaan kita untuk menarik pelabur-pelabur ke negara kita. Apabila kita dapat buat satu penjelasan tentang laporan negatif, baru kita selesai untuk meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita. Baru-baru ini timbul pula seorang pemimpin dari Kesatuan Sekerja iaitu Y.B. V. David telah meminta Amerika Syarikat membatalkan GSP yang mana GSP ini adalah amat penting kepada seseorang pelabur yang mengeksport barangan mereka ke Amerika Syarikat.

Setiausaha Agong Konggres Kesatuan Sekerja Malaysia, Y.B. V. David ini pun pernah mengakui bahawa beliau telah mendesak Persekutuan Buruh dan Konggres Pertubuhan Pekerja Amerika Syarikat dan meminta Amerika Syarikat menarik balik kemudahan Skim Keutamaan Am (GSP) pada Malaysia dan sekiranya tuntutan beliau ini berjaya, maka negara kita akan menghadapi kerugian. Seramai 75,000 pekerja akan terjejas.

Kalau menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa pada tahun yang lepas

negara kita telah mengeksport barangan lebih kurang 7,484 juta ke Amerika Syarikat dan daripada jumlah itu 11.4% ataupun 878.9 juta dieksport menerusi GSP. Saya sebut perkara ini kerana pada seseorang pelabur apabila mereka hendak pilih sesebuah negara untuk pelaburan, menyediakan kilang, ada beberapa faktor untuk mereka memberi pertimbangan. Satu di antara fakta yang mereka memberi pertimbangan iaitu kerana negara itu masih menikmati GSP daripada Amerika Syarikat iaitu di Malaysia. Juga kerana di negara kita ini taraf kehidupan masih rendah dan satu fakta lagi kerana kestabilan ekonomi dan politik. Oleh itu mereka memilih negara kita untuk melabur dan kerana negara kita ini tidak ada gempa bumi, tidak ada gunung berapi dan banjir maka mereka pilih negara kita.

Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah berusaha untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing khususnya dari Taiwan, Hongkong dan lain-lain untuk melabur di negara kita. Jadi kalau sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu yang mengancam dan mensabotaj usaha ini sepatutnya Kerajaan kita harus mengambil tindakan yang wajar terhadap pihak-pihak yang berkenaan. Dengan ini sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya suka menasihatkan kepada Menteri Dalam Negeri dan selepas pindaan Akta ini, ia akan memberikan kuasa yang lebih besar kepada Menteri yang berkenaan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri dan saya harap kuasa ini tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan yang penuh di-atas pindaan Akta ini.

Dato' Tan Peng Khoon: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab.

6.39 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan dan diri saya sendiri, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan ulasan terhadap cadangan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan sentiasa sedar bahawa sebarang pindaan yang melibatkan undang-undang pencegahan lebih-lebih lagi Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak asing bagi kita semua sudah tentulah menarik perhatian bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tetapi juga perhatian orang ramai dan pihak-pihak lain sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

Sepertimana yang telah saya tekankan dalam ucapan-ucapan pembentangan saya, keperluan pindaan-pindan yang sama bukan sahaja terhadap Akta ini, tetapi juga ke atas dua undang-undang pencegahan yang telah dibentangkan terdahulu sebelum ini iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988 dan Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1988 adalah untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan tanggungjawab utamanya dalam mengawal dan memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam demi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara untuk kesejahteraan hidup rakyat.

Mengenai beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, dan ingin saya menyatakan bahawa Yang Berhormat Puan Habidah bin Jusoh, Yang Berhormat Tuan Hamid Araby, Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan dan yang akhirnya Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay, keseluruhannya menyokong penuh tentang pindaan ini dan banyak yang telahpun membincangkan perkara-perkara mengapa ISA dan pindaan ini harus dikekalkan dan juga diadakan pindaan.

Tetapi ingin saya nyatakan kepada pihak Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hong masalah dua orang tahanan yang telahpun dibebaskan, ini terpulanglah kepada pihak Lembaga Penasihat yang akan mengkaji kes ini dan akan mengutarakan pengkajian itu kepada pihak Kementerian untuk dipertimbangkan dan pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa menunggu laporan daripada pihak Lembaga Penasihat.

Tentang laporan negatif di luar negeri, inginlah saya nyatakan kita tidak boleh hanya menyalahkan orang-orang luar membuat cerita-cerita, tetapi juga rakyat kita sendiri yang lebih mementingkan diri sendiri daripada negara dan rakyatnya kerana kita tahu bahawa banyak daripada berita-berita yang berlaku dalam negara ini telah disebarkan oleh rakyat negara ini sendiri untuk memberi feedback kepada negara-negara luar semata-mata supaya negara luar boleh mencerca dan juga mengeji negara kita.

Apa yang penting ialah orang luar tidak tahu masalah kita, mereka tidak tahu bahawa kita menghadapi masalah tentang komunis, mereka tidak tahu bahawa kita menghadapi masalah perkauman, mereka tidak tahu bahawa kita menghadapi masalah pelampau agama dan mereka tidak tahu bahawa bukan sahaja pelampau agama tetapi pelampau-pelampau lain yang wujud di negara kita **ini**. Bila kita senang mereka cuba robohkan negara kita tetapi bila kita sudah jahanam siapa pun tidak ambil tahu dan pusing tentang negara kita. Dengan sebab itu, kebaikan, kesenangan, kesejahteraan negara kita adalah terpulang kepada diri kita sendiri, bukan terpulang kepada apa orang lain kata, tetapi apa yang boleh kita buat untuk kepentingan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ditegaskan di sini sekali lagi bahawa tidak ada tujuan atau motif-motif lain di sebalik Rang Undang-undang (Pindaan) yang dicadangkan ini. Pindaan ini diperlukan untuk membolehkan pihak Kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menjamin dan memelihara keselamatan dalam negeri dengan lebih kemas dan berkesan. Juga adalah ditekankan sekali lagi bahawa Kerajaan sekali-kali tidak menggunakan kuasa di bawah peruntukan undang—undang berkenaan dengan sewenang-wenangnya mengikut sesuka **hati**.

Kerajaan memberi jaminan bahawa kuasa-kuasa tersebut dijalankan dengan penuh rasa tanggungjawab demi menjaga kepentingan dan masalah awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa keselamatan dalam negeri adalah teras yang perlu untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Tanpa wujudnya suasana ketenteraman awam **ini**,

negara ini tidak mungkin dapat menjalankan rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan kehidupan ekonomi negara untuk kesejahteraan hidup rakyat jelata keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya nyatakan tadi dalam memberi pandangan dan teguran yang bernas dan membina, kemungkinan tidak semua soalan yang dapat saya jawab disebabkan kesuntukan masa. Insya Allah, mana-mana perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat saya perjelaskan, saya dan pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Tan Peng Khoon **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.

